



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI SELANGOR

TAHUN 2014



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI SELANGOR**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	21
Akaun Amanah Disatukan	22
Penyata Prestasi Kewangan	29
Penyata Akaun Memorandum	30
Nota Kepada Penyata Kewangan	40
Rumusan Dan Syor Audit	43
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	47
Rumusan	51
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	55
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	55
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	56
Objektif Pengauditan	57
Skop Dan Metodologi Pengauditan	57
Kawalan Utama	58
Penemuan Audit	69

PERKARA**MUKA SURAT**

Pemeriksaan Audit Mengejut	74
Syor Audit	77

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	81
Pengauditan Penyata Kewangan	81
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	81
Pengesahan Penyata Kewangan	82
Pembentangan Penyata Kewangan	83
Prestasi Kewangan	83
Rumusan Dan Syor Audit	97

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai	101
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan	
Jabatan/Agensi Negeri Serta Aktiviti Jabatan/Agensi Dan	
Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	101
PENUTUP	105

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	109
II	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor Dan	110
	Bendahari Negeri Selangor	
III	Penyata Kedudukan Kewangan	111
IV	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Tunai	112
V	Penyata Prestasi Kewangan	113
VI	Penyata Akaun Memorandum	114
VII	Nota Kepada Penyata Kewangan	115



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.
2. Laporan saya ini adalah mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2014 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2014. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuratan yang serius.
3. Pengauditan terhadap penyata kewangan adalah dibuat dengan berpandukan kepada Piawaian Dasar Perakaunan Kerajaan dan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Manakala pengauditan terhadap pengurusan kewangan adalah bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan khususnya berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan penyata kewangan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara →
← **Malaysia**

Putrajaya

2 Julai 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2014 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM3.20 bilion meningkat sejumlah RM293.80 juta (10.1%) berbanding RM2.91 bilion pada tahun 2013. Pelaburan dan kutipan hasil turut meningkat masing-masing sejumlah RM545.32 juta (21.2%) dan RM75.11 juta (3.5%). Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangannya dengan surplus berjumlah RM111.94 juta berbanding defisit berjumlah RM90.45 juta pada tahun 2013. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2014 telah meningkat 2.8% berbanding tahun 2013. Pada masa yang sama, tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sebanyak 9.2%. Sungguhpun Hutang Awam telah meningkat 8.4% pada tahun 2014 namun tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah menurun sebanyak 28.8%. Kerajaan Negeri disarankan supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat secara berterusan dan hanya berbelanja mengikut keperluan. Selain itu, usaha perlu dipertingkatkan untuk mengutip Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada Jabatan/Agensi Kerajaan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa berada dalam keadaan yang kukuh.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Secara keseluruhan, pencapaian perbelanjaan peruntukan pembangunan RMKe-10 adalah baik memandangkan 90.7% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan bagi tahun 2014 telah dibelanjakan. Selain itu, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi 4 tahun pertama RMKe-10 adalah 89% daripada siling peruntukan pembangunan RMKe-10. Bagaimanapun, prestasi pelaksanaan projek perlu dipertingkatkan kerana sehingga 31 Disember 2014, hanya 228 projek (36.8%) telah disiapkan manakala 247 projek (39.8%) dalam pelaksanaan/perancangan dan 76 projek (12.3%) masih belum mula. Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang cekap dan berkesan hendaklah diberi perhatian bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 15 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014 adalah baik di mana 8 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik dan 7 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik. Jabatan/Agensi boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Sehingga 13 Julai 2015, kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi Negeri bagi 2014 adalah baik di mana kesemua 26 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit. Daripada 26 Agensi terlibat, 20 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan sebelum/pada 30 April 2015 manakala 6 Agensi selepas tarikh tersebut. Bagi pengesahan penyata kewangan tahun 2014, penyata kewangan 2 Agensi telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran manakala penyata kewangan 24 Agensi lain sedang diaudit. Semua Agensi Negeri yang terlibat telah membentangkan penyata kewangan tahun 2013 di Dewan Negeri Selangor.

6. Pada keseluruhannya prestasi kewangan 7 Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2014 adalah baik. Keuntungan terkumpul, surplus dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sejumlah RM291.12 juta (6%), RM76.14 juta (35.5%) dan RM149.51 juta (5.9%) berbanding tahun 2013. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 7 syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM279.35 juta manakala 14 syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM101.76 juta. Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2014 adalah baik berbanding tahun 2013. Surplus, aset semasa bersih dan kutipan cukai taksiran masing-masing meningkat 334.8%, 76.8% dan 5.1%.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2013 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013 Siri 2 dan 3 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 24 November 2014. Sepanjang tahun 2014 dan sehingga bulan Mei 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah mengadakan

mesyuarat sebanyak 2 kali bagi membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2012. Selain itu, jawatankuasa ini telah bermesyuarat 6 kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 dan 2013.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 kepada Jabatan Audit Negara pada **5 Februari 2015**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2014 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2014. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan dan maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENG AUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2014. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, YB. Dato' Penasihat Undang-undang dan Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 2 Jun 2015.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2014 juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2014 adalah RM3.20 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM84.36 juta dan pelaburan berjumlah RM3.12 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Akaun Hasil Disatukan	1,090.40	1,202.34	111.94	10.3
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,816.70	1,998.56	181.86	10.0
	a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,503.51	1,548.89	45.38	3.0
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	167.14	173.66	6.52	3.9
	ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	6.73	40.14	33.41	496.4
	iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,320.82	1,323.51	2.69	0.2
	iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	8.82	11.58	2.76	31.3
	b. Kumpulan Wang Amanah Awam	226.34	355.92	129.58	57.3
	c. Akaun Deposit	86.85	93.75	6.90	7.9
Baki Pada 31 Disember		2,907.10	3,200.90	293.80	10.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM293.80 juta (10.1%) kepada RM3.20 bilion pada tahun 2014 berbanding RM2.91 bilion pada tahun 2013. Peningkatan yang ketara ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM111.94 juta (10.3%) dan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM181.86 juta (10%).


4.2.3. Jadual 4.2 dan **Carta 4.1** menunjukkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 hingga 2014. Analisis Audit mendapati secara keseluruhan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 hingga 2014 menunjukkan trend meningkat daripada RM1.59 bilion pada tahun 2010 kepada RM3.20 bilion pada tahun 2014 yang merupakan paras yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM732.25 juta pada tahun 2010 kepada RM1.20 bilion pada tahun 2014. Manakala Akaun Pinjaman Disatukan tidak mempunyai baki pada akhir tahun 2014. Baki Akaun Amanah Disatukan juga menunjukkan trend meningkat daripada RM854.63 juta pada tahun 2010 kepada RM2 bilion pada tahun 2014. Baki pada tahun 2014 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	732.25	912.75	1,180.85	1,090.40	1,202.34
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	20.89	0.00	0.00
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	854.63	1,031.26	1,417.70	1,816.70	1,998.56
	a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	449.63	488.20	552.40	1,503.51	1,548.89
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	128.23	141.19	157.53	167.14	173.66
	ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	13.59	10.25	5.71	6.73	40.14
	iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	305.72	332.44	382.67	1,320.82	1,323.51
	iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	2.09	4.32	6.49	8.82	11.58
	b. Kumpulan Wang Amanah Awam	276.45	439.08	774.36	226.34	355.92
	c. Akaun Deposit	128.55	103.98	90.94	86.85	93.75
Baki Pada 31 Disember		1,586.88	1,944.01	2,619.44	2,907.10	3,200.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1
Kedudukan Baki Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Pelaburan

4.3.1.1. Pelaburan merupakan salah satu komponen aset Kerajaan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Mengikut Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri boleh melabur dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang dan Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2013 dan 2014, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri (simpanan tetap melebihi tempoh 3 bulan) masing-masing berjumlah RM1.89 bilion dan RM2.39 bilion seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kedudukan Pelaburan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah					
1	Tabung Warisan	395.26	431.59	36.33	9.2
2	Tabung Amanah Bencana Alam	30.56	41.55	10.99	36.0
	Jumlah	425.82	473.14	47.32	11.1
Pelaburan Am					
3	Saham	245.41	245.41	0.00	0.0
4	Deposit Dalam Negeri	1,890.00	2,388.00	498.00	26.3
5	Jaminan Bank Pertanian Malaysia	10.00	10.00	0.00	0.0
	Jumlah	2,145.41	2,643.41	498.00	23.2
	Baki Pada 31 Disember	2,571.23	3,116.55	545.32	21.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.2. Baki pelaburan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM545.32 juta daripada RM2.57 bilion pada tahun 2013 kepada RM3.12 bilion pada tahun 2014. Peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan oleh peningkatan pelaburan Deposit Dalam Negeri sejumlah RM498 juta (26.3%), pelaburan baki lebihan daripada Tabung Warisan dan Tabung Amanah Bencana Alam masing-masing berjumlah RM36.33 juta (9.2%) dan RM10.99 juta (36%). Sementara itu, pelaburan dalam Saham dan Jaminan Bank Pertanian Malaysia tidak berubah berbanding tahun 2013. Bagi Tabung Warisan dan Tabung Amanah Bencana Alam, pelaburan dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham syarikat.

4.3.1.3. **Jadual 4.4** menunjukkan kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2010 hingga 2014. Analisis trend pelaburan Kerajaan Negeri mendapati jumlah pelaburan meningkat setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2014. Berbanding dengan tahun 2010 dan 2013, jumlah pelaburan tahun 2014 telah meningkat masing-masing sebanyak 235.6% dan 21.2%. Baki pada tahun 2014 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.4
Kedudukan Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	373.16	357.71	366.94	425.82	473.14
2	Pelaburan Am	555.45	1,195.41	1,860.41	2,145.41	2,643.41
	Baki Pada 31 Disember	928.61	1,553.12	2,227.35	2,571.23	3,116.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan bagi satu tahun kewangan.

4.4.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2014 dengan surplus di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM111.94 juta berbanding defisit berjumlah RM90.45 juta pada tahun 2013, iaitu peningkatan sejumlah RM202.39 juta. Dengan mengambil kira surplus ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat kepada RM1.20 bilion berbanding RM1.09 bilion pada tahun 2013. Prestasi Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Akaun Hasil Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,180.85	1,090.40	-90.45	-7.7
Hasil	2,149.97	2,225.08	75.11	3.5
Perbelanjaan Mengurus (Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan RM665.38 Juta)	2,240.42	2,113.14	-127.28	-5.7
Surplus/Defisit	-90.45	111.94	202.39	223.8
Baki Pada 31 Disember	1,090.40	1,202.34	111.94	10.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Kedudukan baki Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.6**. Analisis Audit menunjukkan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan, Kerajaan Negeri mencatat surplus bagi tahun 2010 hingga 2012 tetapi defisit pada tahun 2013 sebelum mencatat surplus semula pada tahun 2014.

Jadual 4.6
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	608.01	732.25	912.75	1,180.85	1,090.40
Hasil	1,571.50	1,634.00	1,954.81	2,149.97	2,225.08
Perbelanjaan Mengurus	1,447.26	1,453.50	1,686.71	2,240.42	2,113.14
Surplus/Defisit	124.24	180.50	268.10	-90.45	111.94
Baki Pada 31 Disember	732.25	912.75	1,180.85	1,090.40	1,202.34

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Hasil

4.4.4.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi 3 kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2014, kutipan hasil sebenar berjumlah RM2.23 bilion iaitu melebihi sejumlah RM375.08 juta (20.3%) berbanding anggaran hasil berjumlah RM1.85 bilion seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2014

Bil.	Jenis Hasil	Anggaran (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Perbezaan	
				(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	587.60	545.76	-41.84	-7.1
2	Hasil Bukan Cukai	1,066.59	1,437.26	370.67	34.8
3	Terimaan Bukan Hasil	195.81	242.06	46.25	23.6
Jumlah		1,850.00	2,225.08	375.08	20.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.4.2. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berjumlah RM2.23 bilion telah meningkat dengan agak ketara sejumlah RM75.11 juta (3.5%) berbanding tahun 2013 berjumlah RM2.15 bilion seperti di **Jadual 4.8**. Bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014, kutipan hasil telah mencatat peningkatan setiap tahun seperti di **Carta 4.2**. Kutipan hasil tahun 2014 adalah yang tertinggi dikutip dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.8
Kutipan Hasil Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jenis Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	548.95	545.76	-3.19	-0.6
2	Hasil Bukan Cukai	1,398.86	1,437.26	38.40	2.7
3	Terimaan Bukan Hasil	202.16	242.06	39.90	19.7
Jumlah		2,149.97	2,225.08	75.11	3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2
Kutipan Hasil Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.3. Hasil tahun 2014 meningkat 3.5% disebabkan oleh 6 butiran hasil yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2014. **Jadual 4.9** menunjukkan perbandingan 6 butiran hasil pada tahun 2013 dan 2014.

Jadual 4.9
Peningkatan Hasil Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Peningkatan		Punca
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Hasil Bukan Cukai						
1	Premium Geran Tanah	1,118.31	1,138.90	20.59	1.8	Peningkatan kutipan Premium Pemberiman dan Lanjut Tempoh Pajakan, penguatkuasaan garis panduan pembayaran Borang 7G (Premium Tambahan Tukar Syarat Tanah), peningkatan nilai pasaran semasa tanah, pelanjutan Program Pemutihan Kilang Haram sehingga Disember 2015, pembayaran segera premium bagi mendapat kelulusan pelan bangunan dan kerja tanah dari Pihak Berkuasa Tempatan.
2	Penanaman Modal/ Pertaruhan Tetap	62.97	77.28	14.31	22.7	Peningkatan pulangan daripada simpanan tetap melebihi 3 bulan.
Terimaan Bukan Hasil						
1	Pelbagai Hasil Tahun Lalu	10.99	30.66	19.67	179.0	Pelarasian baki Akaun Penyelesaian Bendahari, terimaan balik bayaran secara <i>Electronic Fund Transfer</i> tahun lalu, penutupan Akaun Amanah Tabung Pusingan Perumahan, pelarasian deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dan deposit tender, terimaan dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja syer Kerajaan bagi kakitangan kontrak serta bayaran balik emolumen tahun lalu yang terlebih bayar.
2	Pendapatan Balik Bayaran Dalam Tahun Lalu	1.64	12.42	10.78	657.3	Pelarasian cek tahun 2007 dan 2008 yang tidak dituntut melebihi 6 tahun serta cek terbatal yang tidak dituntut di bawah Arahan Perbendaharaan 118(c).
3	Pelbagai	0.00	7.21	7.21	100.0	Penerimaan bayaran anuiti Projek Rumah

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Peningkatan		Punca
				(RM Juta)	(%)	
	Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan					Awam Kos Rendah tahun 2012 daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.
Hasil Cukai						
1	Cukai Tanah Semasa	386.30	395.37	9.07	2.3	Peningkatan bilangan hak milik, kewujudan pelbagai kemudahan untuk membayar cukai, pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Cukai Tanah, penyambungan pelantikan pasukan taskforce, peningkatan kesedaran orang awam terhadap keperluan membayar cukai tanah melalui iklan surat khabar.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.4. Analisis Audit telah dijalankan terhadap butiran hasil yang mencatat penurunan melebihi 10%. **Jadual 4.10** menunjukkan 5 butiran hasil yang mencatat penurunan ketara pada tahun 2014 dan perbandingan dengan tahun 2013.

Jadual 4.10
Penurunan Hasil Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Penurunan		Punca
				(RM Juta)	(%)	
Hasil Cukai						
1	Tunggakan Cukai Tanah	51.92	43.41	-8.51	-16.4	Tunggakan Cukai Tanah kurang dikutip.
2	Cukai Tanah Tahun Pertama	15.33	10.73	-4.60	-30.0	Pengurangan bilangan kelulusan tukar syarat tanah dan pemberimilikan tanah.
Hasil Bukan Cukai						
1	Faedah Deposit Pasaran Wang Jangka Pendek	10.27	6.50	-3.77	-36.7	Penurunan pelaburan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan lebihan tunai telah dilaburkan di pelaburan tetap.
2	Permit Membawa Masuk/Keluar Haiwan	4.21	0.50	-3.71	-88.1	Kutipan hasil yang sebelum ini terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, sebahagiannya telah diambil alih oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia mulai bulan Ogos 2013 yang merupakan Jabatan Kerajaan Persekutuan.
3	Pelbagai Denda Pampasan Dan Hukuman	5.05	1.90	-3.15	-62.4	Hasil yang dikutip oleh Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah Selangor yang sebelum ini menjadi hasil Kerajaan Negeri, telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.5. Lima penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 adalah Premium Geran Tanah, Cukai Tanah Semasa, Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap, Pemberian Mengikut Bilangan Orang dan Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sejumlah RM1.73 bilion daripada keseluruhan hasil berjumlah RM2.23 bilion. Kutipan Premium Geran Tanah merupakan penyumbang terbesar dengan kutipan berjumlah RM1.14 bilion diikuti dengan Cukai Tanah Semasa berjumlah RM395.37 juta.

Jadual 4.11 menunjukkan 5 butiran hasil berkaitan berbanding tahun 2013.

Jadual 4.11
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Premium Geran Tanah	1,118.31	1,138.90	20.59	1.8
2	Cukai Tanah Semasa	386.30	395.37	9.07	2.3
3	Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap	62.97	77.28	14.31	22.7
4	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	63.86	64.28	0.42	0.7
5	Pemberian Bagi Membayar Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	45.37	53.10	7.73	17.0
Jumlah		1,676.81	1,728.93	52.12	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.6. Trend kutipan 5 butiran hasil tersebut bagi 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Butiran	Tahun									
		2010		2011		2012		2013		2014	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	Premium Geran Tanah	465.48	48.7	533.04	51.5	869.91	62.5	1,118.31	66.7	1,138.90	65.9
2	Cukai Tanah Semasa	365.36	38.2	360.94	34.8	371.81	26.7	386.30	23.0	395.37	22.9
3	Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap	17.20	1.8	37.62	3.6	43.07	3.1	62.97	3.8	77.28	4.4
4	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	75.47	7.9	62.88	6.1	63.40	4.6	63.86	3.8	64.28	3.7
5	Pemberian Bagi Membayar Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	32.41	3.4	41.38	4.0	43.78	3.1	45.37	2.7	53.10	3.1
Jumlah		955.92	100.0	1,035.86	100.0	1,391.97	100.0	1,676.81	100.0	1,728.93	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5. Perbelanjaan Mengurus

4.4.5.1. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Bagi Maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan adalah seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Maksud Bekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan. Pada tahun 2014, perbelanjaan

mengurus Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM2.11 bilion yang merupakan 96.3% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.20 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2014

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Belanja (%)
1	Emolumen	382.17	362.20	94.8
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	412.87	400.82	97.1
3	Aset	9.12	8.77	96.2
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,367.88	1,318.64	96.4
5	Perbelanjaan Lain	23.06	22.71	98.5
Jumlah		2,195.10	2,113.14	96.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.2. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sejumlah RM127.28 juta (5.7%) iaitu daripada RM2.24 bilion bagi tahun 2013 menjadi RM2.11 bilion bagi tahun 2014 seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Emolumen	347.35	362.20	14.85	4.3
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	365.41	400.82	35.41	9.7
3	Aset	8.56	8.77	0.21	2.5
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,510.85	1,318.64	-192.21	-12.7
5	Perbelanjaan Lain	8.25	22.71	14.46	175.3
Jumlah		2,240.42	2,113.14	-127.28	-5.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.3. Penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2014 disumbangkan oleh penurunan Pemberian Dalam Negeri sejumlah RM193.40 juta. Perbandingan penurunan perbelanjaan ini bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Penurunan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Penurunan		Punca
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap					
Pemberian Dalam Negeri	1,456.47	1,263.07	193.40	13.3	Peruntukan tambahan yang dibuat ke Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kepada Badan-Badan Berkanun Dan Badan Lain bagi kenaikan siling telah menurun pada tahun 2014 iaitu hanya RM22.50 juta berbanding RM537.44 juta pada tahun 2013.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.4. Sementara itu, 5 butiran perbelanjaan yang mencatat peningkatan ketara pada tahun 2014 dan perbandingan dengan tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Peningkatan		Punca
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Emolumen						
1	Gaji Dan Upah	206.03	222.62	16.59	8.1	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya - Pelarasan gaji Skim Jawatan J17 ke J29 dan juga pengisian sebahagian jawatan kosong. • Jabatan Agama Islam - Pembayaran <i>time-based</i> untuk guru di bawah lantikan tetap melibatkan peruntukan berjumlah RM7.39 juta. • Dewan Negeri Selangor - Kenaikan gaji Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) daripada RM6,109.29 kepada RM20,250 berkuat kuasa pada bulan Januari 2014 selaras dengan keputusan MMKN Bil. 36/2013 bertarikh 22 November 2013.
Perkhidmatan Dan Bekalan						
1	Sewaan	9.05	24.49	15.44	170.6	Jabatan Kehakiman Syariah - Bayaran sewa beli kepada pemaju kerana 8 pejabat Mahkamah Rendah Syariah telah berpindah ke bangunan baru.
2	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	187.90	200.59	12.69	6.8	Perbendaharaan Negeri - Bayaran sewaan kamera litar tertutup di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berjumlah RM6 juta dan bayaran bagi pelan tindakan 3 bulan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal oleh PBT berjumlah RM7.20 juta.
Aset						
1	Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	2.85	4.08	1.23	43.2	Jabatan Kerja Raya - Pembelian Jambatan Keluli Bermodular <i>Compact (Bailey Bridge)</i> serta mesin cetak dan komputer masing-masing berjumlah

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Peningkatan		Punca
				(RM Juta)	(%)	
						RM0.50 juta dan RM0.20 juta.
Perbelanjaan Lain						
1	Pulangan Balik Dan Hapus Kira	4.90	18.07	13.17	268.8	Perbendaharaan Negeri - Antara sebab ialah bayaran balik hasil terlebih bayar kepada Majlis Agama Islam Selangor, Prospell Enterprise Sdn. Bhd., Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor masing-masing berjumlah RM0.40 juta, RM4.80 juta, RM1.30 juta dan RM1.90 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.5.5. Trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.17** dan **Carta 4.3**. Analisis Audit menunjukkan perbelanjaan mengurus meningkat setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2013 sebelum menurun pada tahun 2014.

Jadual 4.17
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Emolumen	256.96	265.49	303.29	347.35	362.20
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	302.74	324.28	383.82	365.41	400.82
3	Aset	4.54	13.34	6.40	8.56	8.77
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	868.64	848.05	979.38	1,510.85	1,318.64
5	Perbelanjaan Lain	14.38	2.34	13.82	8.25	22.71
Jumlah		1,447.26	1,453.50	1,686.71	2,240.42	2,113.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan bayaran tersebut. Pada tahun 2014, bayaran di bawah AP 58(a) berjumlah RM0.51 juta melibatkan 294 baucar bayaran di 22 Jabatan. Bayaran AP 58(a) menurun sejumrah RM0.12 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM0.63 juta melibatkan 216 baucar bayaran. Daripada 22 Jabatan yang terlibat, 12 Jabatan menunjukkan peningkatan bayaran manakala 10 Jabatan menunjukkan penurunan bayaran. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.18**. Lima Jabatan yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak. Sebab utama bayaran AP 58(a) dibuat adalah bil lewat diterima manakala antara tujuan bayaran adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.18
Bayaran Di Bawah AP 58(a) Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jabatan	2013		2014		Perubahan	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)	(RM)	(%)
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	18	73,420	25	178,675	105,255	143.4
2	Jabatan Agama Islam	16	90,403	80	143,160	52,757	58.4
3	Jabatan Kerja Raya	25	24,947	8	44,343	19,396	77.8
4	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0	0	2	18,346	18,346	100.0
5	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	5	3,305	6	13,735	10,430	315.6
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran	0	0	5	5,820	5,820	100.0
7	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	11	18,465	28	24,036	5,571	30.2
8	Pejabat Mufti	0	0	14	5,067	5,067	100.0
9	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	0	0	1	4,953	4,953	100.0
10	Mahkamah Tinggi Syariah	0	0	13	2,923	2,923	100.0
11	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	0	0	3	2,718	2,718	100.0
12	Jabatan Perhutanan	0	0	1	150	150	100.0
13	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	78	141,678	43	26,864	-114,814	-81.0
14	Perbendaharaan Negeri	9	184,816	8	15,637	-169,179	-91.5
15	Lain-lain Jabatan (8 Jabatan)	54	96,468	57	27,507	-68,961	-71.5
Jumlah		216	633,502	294	513,934	-119,568	-18.9

Sumber: Baucar Bayaran AP 58(a)

Jadual 4.19
Tujuan Bayaran Di Bawah AP 58(a)

Bil.	Jabatan	Tujuan Bayaran
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Bayaran bil utiliti, perubatan dan tuntutan pegawai, insentif khas, penyelenggaraan serta elau latihan praktikal.
2	Jabatan Agama Islam	Bayaran kontrak pembersihan, keselamatan dan sewaan mesin fotostat, elau guru Kelas Asas Fardu Ain, bil perubatan dan telefon pegawai, tuntutan pembelian telefon bimbit serta yuran Audit dan yuran tahunan Pensijilan Semula International Standards Organization Tahun 2013.
3	Jabatan Kerja Raya	Bayaran bil, elau latihan praktikal serta perubatan dan inden kerja.
4	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Bayaran caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial dan kemudahan perubatan.
5	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	Bayaran bil utiliti, perubatan, pengiklanan Warta Kerajaan dan minyak petrol.

Sumber: Baucar Bayaran AP 58(a)

Pada pendapat Audit, sebahagian besar daripada bayaran di bawah AP 58(a) seperti tuntutan pembekal dan pegawai serta bil utiliti sepatutnya boleh dibayar dalam tahun kewangan atau selewat-lewatnya dalam tempoh Akaun Kena Bayar sekiranya Jabatan mengambil langkah proaktif untuk memastikan bil tersebut diterima sebelum tarikh penutupan akaun. Bayaran di bawah AP 58(a) boleh menjelaskan peruntukan tahun semasa kerana peruntukan tersebut perlu digunakan untuk membayar bil yang sepatutnya dibayar pada tahun sebelumnya.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

4.5.2. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM106.87 juta bagi membiayai Projek Bekalan Air iaitu 2 projek lama (RM27.90 juta) dan 3 projek baru (RM78.97 juta) seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan Bagi Membiayai
Projek Bekalan Air Tahun 2014

Projek	Jumlah (RM Juta)
Projek Lama:	
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih	26.73
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	1.17
Jumlah	27.90
Projek Baru:	
a. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Selangor Fasa 1	20.94
b. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	47.74
c. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa	10.29
Jumlah	78.97
Jumlah Keseluruhan	106.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.3. Pada akhir tahun 2014, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan baki sifar selepas RM106.87 juta telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (Akaun Pinjaman Disatukan). Akaun ini juga berbaki sifar pada akhir tahun 2009 hingga 2011 dan 2013 kecuali tahun 2012 yang berbaki RM20.89 juta. **Jadual 4.21** menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar pada tahun 2013 dan 2014 serta urus niaga terimaan dan bayaran/pindahan berkaitan.

Jadual 4.21
Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	20.89	0.00	-20.89	-100.0
Terimaan	10.66	106.87	96.21	902.5
Bayaran/Pindahan	31.55	106.87	75.32	238.7
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak Akta Amanah, Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM2 bilion berbanding RM1.82 bilion pada akhir tahun 2013 iaitu meningkat sejumlah RM181.86 juta (10%). Baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Akaun Amanah Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,503.51	1,548.89	45.38	3.0
2	Kumpulan Wang Amanah Awam	226.34	355.92	129.58	57.3
3	Akaun Deposit	86.85	93.75	6.90	7.9
Baki Pada 31 Disember		1,816.70	1,998.56	181.86	10.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan
Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	157.53	167.14	9.61	6.1
Terimaan	636.43	783.63	147.20	23.1
Perbelanjaan	626.82	777.11	150.29	24.0
Surplus	9.61	6.52	-3.09	-32.2
Baki Pada 31 Disember	167.14	173.66	6.52	3.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Pada tahun 2014, kumpulan wang ini telah mencatat surplus berjumlah RM6.52 juta kerana penerimaan berjumlah RM783.63 juta melebihi perbelanjaan berjumlah RM777.11 juta. Ini menyebabkan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2014 meningkat kepada RM173.66 juta berbanding RM167.14 juta pada akhir tahun 2013. Kedudukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jabatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	320.26	448.03	127.77	39.9
2	Jabatan Kerja Raya	133.84	177.52	43.68	32.6
3	Perbendaharaan Negeri				
	• Projek Am	1.26	3.50	2.24	177.8
	• Pengkomputeran	0.43	0.26	-0.17	-39.5
4	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.63	6.52	0.89	15.8
5	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	2.44	2.44	0.00	0.00
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran	44.67	43.16	-1.51	-3.4
7	Jabatan Agama Islam	91.72	87.67	-4.05	-4.4
8	Jabatan Pertanian	14.32	8.01	-6.31	-44.1
9	Jabatan Kehakiman Syariah	12.25	0.00	-12.25	-100.0
Jumlah		626.82	777.11	150.29	24.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Peruntukan bagi 3 projek pembangunan berjumlah RM2.15 juta di 2 Jabatan dan viremen peruntukan yang diluluskan bagi 6 projek pembangunan berjumlah RM1.39 juta di 2 Jabatan tidak dibelanjakan langsung. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.25** dan **Jadual 4.26**. Sementara itu, **Jadual 4.27** menunjukkan 8 projek di 3 Jabatan di mana perbelanjaan adalah kurang daripada 10% berbanding peruntukan.

Jadual 4.25
Peruntukan Pembangunan Tidak Dibelanjakan

Bil.	Jabatan	Perihal Projek	Anggaran (RM)	Sebab
1	Jabatan Pertanian	Kompleks Pertanian Hulu Selangor	1,600,000	Peruntukan adalah bagi tujuan pengiklanan tender dan bayaran awal perunding. Kebenaran melantik perunding awam dan struktur tidak diperakui Lembaga Perolehan Negeri pada Mesyuarat Ke 14/2014. Bagaimanapun, selepas semakan semula keperluan dilakukan, proses lantikan diteruskan pada bulan Mac 2015.
2	Jabatan Agama Islam	Masjid Zakaria	500,000	Masalah setinggan di tapak projek yang belum diselesaikan.
		Masjid Kampung Raja Uda	45,000	Bayaran akhir perunding masih belum selesai disediakan.
Jumlah		2,145,000		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.26
Viremen Peruntukan Pembangunan Yang Diluluskan Tidak Dibelanjakan

Bil.	Jabatan	Perihal Projek	Viremen (RM)	Anggaran Selepas Viremen (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Sebab
1	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sering	142,000	142,010	0	142,010	Bayaran berjumlah RM139,671 tidak dapat dibuat kerana pihak kontraktor tidak mengemaskini nombor akaun syarikat.
2	Jabatan Agama Islam	Sekolah Agama Menengah Kanchong Darat	345,000	345,010	0	345,010	Bayaran akhir Perakuan Muktamad tidak dapat dikeluarkan kerana kontraktor gagal melaksanakan kerja kecacatan.
		Pejabat-Pejabat Agama Islam Daerah (Baik Pulih Dan Penyenggaraan)	100,000	1,100,000	564,207	535,793	kerja baik pulih tidak dapat dilaksanakan.
		Masjid Tun Uda Seksyen 16, Shah Alam	200,000	700,000	422,282	277,718	Kontraktor gagal melaksanakan kerja kecacatan.
		Masjid Simpang 3 Ijok	600,000	2,100,000	1,215,423	884,577	Perakuan Muktamad belum selesai disediakan.
		Masjid Taman Padu Permai	6,900	3,006,900	2,669,878	337,022	Kemajuan tidak berjalan seperti dirancang kerana isu ceruk.
Jumlah		1,393,900	7,393,920	4,871,790	2,522,130		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.27
Peruntukan Pembangunan Dibelanjakan Kurang Daripada 10%

Bil.	Jabatan	Perihal Projek	Anggaran (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Belanja (%)	Sebab
1	Jabatan Pertanian	Soal Selidik Dan Pengumpulan Maklumat Pertanian	100,000	9,580	9.6	Sebelum penyediaan kertas soal selidik, <i>Term Of Reference</i> program kajian sosioekonomi petani perlu disediakan terlebih dahulu dan prosesnya memakan masa.
2	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Tebatan Banjir Hulu Langat	96,460	7,986	8.3	Bayaran perunding bagi Rancangan Mencegah Banjir Sungai Seputih, Mukim Ampang Daerah Hulu Langat berjumlah RM11,202 tidak dapat dibuat kerana masalah akaun penerima yang tidak aktif. Manakala keperluan menggunakan baki peruntukan tidak dikenal pasti. Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu membuat perancangan yang lebih tepat untuk mengelakkan peruntukan tahunan yang tidak digunakan.
		Melebar Dan Mendalamkan Kuala Sungai Sepang Kecil	50,000	3,087	6.2	Maklum balas tidak diterima.
3	Jabatan Agama Islam	Sekolah Rendah Agama Damansara Damai	1,125,023	9,148	0.8	Projek tidak dapat diteruskan kerana masalah tapak (<i>dumping area</i>) belum selesai.
		Sekolah Rendah Agama Sungai Sekamat	300,000	6,478	2.2	Pengurangan bayaran akhir Perakuan Muktamad bagi kerja mekanikal dan elektrikal.
		Masjid Taman Ukay Perdana, Hulu Klang	2,700,000	69,850	2.6	Kemajuan kerja kontraktor di tapak perlahan.
		Masjid Taman Tun Teja	1,019,743	19,600	1.9	Projek tidak dapat melalui proses tender kerana keluasan tapak masjid tidak mengikut piawaian reka bentuk yang ditetapkan.
		Masjid Jalan Kebun	500,000	19,879	4.0	Projek tidak dapat melalui proses tender kerana isu Kebenaran Merancang.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.2. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan untuk memberi pinjaman kepada penjawat awam Negeri, Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Dewan Negeri Selangor serta Badan Berkanun Negeri untuk membeli harta tanah berupa tanah dan rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Bahagian Pinjaman Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman manakala Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.

- b. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.28**. Baki kumpulan wang ini meningkat sejumlah RM33.40 juta (496.3%) daripada RM6.73 juta pada akhir tahun 2013 kepada RM40.13 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan kumpulan wang ini menerima tambahan caruman pinjaman sejumlah RM40 juta daripada Kerajaan Negeri bagi pada tahun 2014.

Jadual 4.28
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	5.71	6.73	1.02	17.9
Tambahan Caruman Pinjaman	9.20	40.00	30.80	334.8
Bayaran Balik Pinjaman	47.22	45.10	-2.12	-4.5
Pinjaman Diberi	55.40	51.70	-3.70	-6.7
Baki Pada 31 Disember	6.73	40.13	33.40	496.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.3. Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut

- a. Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan di luar jangka serta diwujudkan dengan wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa daripada Kumpulan Wang Disatukan. Bagi maksud ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut dengan peruntukan berjumlah RM8.10 juta. Pada 31 Disember 2014, Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut berbaki RM0.13 juta iaitu menurun sejumlah RM7.97 juta (98.4%) berbanding RM8.10 juta pada tahun 2013. Penurunan baki yang ketara ini disebabkan oleh perbelanjaan yang tinggi berjumlah RM11.45 juta pada tahun 2014. Dua perbelanjaan yang tinggi daripada Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut adalah seperti berikut:
- i. Membuat bayaran geran secara langsung berjumlah RM6.28 juta kepada 4 Pihak Berkusa Tempatan bagi melaksanakan Pelan Tindakan Pembersihan Awam Dan Pengurusan Sisa Pepejal.
 - ii. Menampung perbelanjaan lebihan 3 Jabatan iaitu Pejabat Dewan Negeri (Vot B03), Jabatan Mufti Negeri (Vot B11) dan Jabatan Agama Islam (Vot B14) berjumlah RM3.87 juta. Antara perbelanjaan terlibat adalah bayaran gaji, gaji sambilan, elaun tetap, imbuhan tetap khidmat awam dan imbuhan tahunan.
 - iii. Geran secara langsung dan perbelanjaan melebihi peruntukan masing-masing berjumlah RM6.28 juta dan RM3.87 juta telah dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut kerana peruntukan Vot B29 (Perpendaharaan Negeri-Perbelanjaan Am) tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan tersebut.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebahagian perbelanjaan melebihi siling peruntukan RM8.10 juta telah ditampung dengan baki peruntukan pejabat Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2014 yang tidak dibelanjakan berjumlah RM3.48 juta. Selain itu, peruntukan tambahan masih belum diperoleh bagi menaikkan siling peruntukan kepada RM8.10 juta menyebabkan Kumpulan Wang Amanah ini berbaki RM0.13 juta pada akhir tahun 2014.
- c. Pada 21 April 2015, sejumlah RM4.10 juta telah disalurkan daripada vot B29 (Perbendaharaan Negeri-Perbelanjaan Am) ke Kumpulan Wang Belanja Mengejut bagi menampung semula peruntukan selepas penggunaannya. Manakala baki RM3.87 juta telah disalurkan dengan kaedah yang sama pada 1 Jun 2015 bagi mencapai paras siling Kumpulan Wang ini.

4.6.1.4. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengakaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyenggaraan jalan negeri sepanjang 15,185.71 kilometer yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.
- b. Pada tahun 2014, jumlah terimaan bagi Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah RM523.75 juta. Daripada jumlah tersebut, RM523.48 juta merupakan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan manakala RM0.27 juta merupakan bayaran balik daripada Majlis Perbandaran Kajang serta Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling bagi lebihan bayaran kerja. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri menurun sejumlah RM18.15 juta (2.2%) daripada RM822.09 juta pada tahun 2013 menjadi RM803.94 juta pada tahun 2014. Butiran seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri
Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	631.27	822.09	190.82	30.2
Terimaan	499.40	523.75	24.35	4.9
Pembayaran	308.58	541.90	233.32	75.6
Baki Pada 31 Disember	822.09	803.94	-18.15	-2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2010 hingga 2014 dan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) adalah seperti di **Jadual 4.30**. Pada tahun 2014, peratus perbelanjaan adalah sangat baik iaitu 103.5% berbanding 61.8% pada tahun 2013.

Jadual 4.30
Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri
Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2010	54.41	351.66	243.61	162.46	69.3
2011	162.46	375.90	218.51	319.85	58.1
2012	319.85	489.54	178.12	631.27	36.4
2013	631.27	499.40	308.58	822.09	61.8
2014	822.09	523.75	541.90	803.94	103.5

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

- 4.6.2.1.** Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada Kerajaan Negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2014, Kerajaan Negeri mempunyai 54 Akaun Amanah Awam yang berbaki RM355.92 juta. Baki ini meningkat sejumblah RM129.58 juta (57.3%) berbanding RM226.34 juta pada tahun 2013. Butiran seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31
Kumpulan Wang Amanah Awam Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	774.36	226.34	-548.02	-70.8
Terimaan	322.14	385.23	63.09	19.6
Pembayaran	870.16	255.65	-614.51	-70.6
Baki Pada 31 Disember	226.34	355.92	129.58	57.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.2. Peningkatan ketara baki Kumpulan Wang Amanah Awam disebabkan oleh 7 Akaun Amanah Awam baru ditubuhkan dengan peruntukan berjumlah RM117.25 juta. Pada 31 Disember 2014, tujuh akaun ini berbaki kredit RM108.73 juta seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32
Akaun Amanah Awam Baru Yang Ditubuhkan Tahun 2014

Bil.	Akaun Amanah	Tujuan Penubuhan	Peruntukan (RM Juta)	Baki (RM Juta)
1	Akaun Amanah Inovasi	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi melaksanakan pelbagai Program Inovasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.	0.05	0.03
2	Akaun Amanah Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Di Selangor	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi membiayai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Negeri.	1.00	0.00
3	Akaun Amanah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi dana pusingan (<i>revolving funds</i>) untuk membiayai kos emolumen dan utiliti Kolej Universiti ini.	8.70	8.70
4	Akaun Amanah Rumah Mampu Milik	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi rumah mampu milik di Negeri.	100.00	100.00
5	Akaun Amanah Rumah-Rumah Perlindungan Di Negeri Selangor	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi pengurusan dan penyenggaraan rumah-rumah perlindungan di Negeri.	0.00	0.00
6	Akaun Amanah Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi dana pusingan (<i>revolving funds</i>) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. bagi membiayai kos operasi Universiti Selangor (UNISEL).	7.50	0.00
7	Akaun Amanah TASKA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi membiayai pengurusan dan pembangunan TASKA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta membiayai program yang dilaksanakan.	0.00	0.00
Jumlah			117.25	108.73

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2014, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM2,225.08 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM2,229.45 juta. Pada akhir tahun 2014, Kerajaan Negeri mencatat kurangan dana berjumlah RM4.37 juta. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33
Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Jumlah Hasil	2,149.97	2,225.08	75.11	3.5
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,641.13	1,447.76	-193.37	-11.8
(-) Belanja Pembangunan	630.84	781.69	150.85	23.9
Jumlah Perbelanjaan	2,271.97	2,229.45	-42.52	-1.9
Kurangan	-122.00	-4.37	117.63	96.4
Dibiayai Oleh: Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri	10.66	106.87	96.21	902.5
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	11.94	18.72	6.78	56.8
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	99.40	-121.22	-220.62	-222.0
Jumlah Pembiayaan	122.00	4.37	-117.63	-96.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Pada tahun 2014, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.06 bilion iaitu meningkat sejumlah RM29.11 juta (2.8%) berbanding RM1.03 bilion pada tahun 2013. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34
Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Kategori Peminjam	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Badan Berkanun Negeri	172.41	186.50	14.09	8.2
2	Pihak Berkuasa Tempatan	58.01	57.29	-0.72	-1.2
3	Badan-badan Lain	802.13	817.87	15.74	2.0
Baki Pada 31 Disember		1,032.55	1,061.66	29.11	2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.2. Peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut sejumlah RM29.11 juta (2.8%) disebabkan peningkatan Pinjaman Boleh Dituntut Badan Berkanun Negeri dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut Badan Berkanun Negeri dan Badan-badan Lain masing-masing meningkat sejumlah RM14.09 juta (8.2%) dan RM15.74 juta (2%) disebabkan penyaluran pinjaman tambahan berjumlah RM80 juta kepada Perbadanan

Kemajuan Negeri Selangor dan RM23.55 juta kepada Konsortium ABASS Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat subsidiari Kumpulan Darul Ehsan Berhad.

4.8.1.3. Daripada baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.06 bilion, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pinjaman berjumlah RM62.49 juta bagi 4 peminjam disebabkan oleh perkara berikut:

- a. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang peranannya diambil alih oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] tidak mengesahkan baki berjumlah RM14.34 juta.
- b. Tiga peminjam lain iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Yayasan Selangor (YS) mengesahkan baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM46.11 juta iaitu berbeza sejumlah RM2.04 juta daripada rekod pihak Perbendaharaan Negeri berjumlah RM48.15 juta kerana kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan ini mengambil kira bayaran balik pinjaman yang dibayar pada bulan Januari 2015. Manakala YS pula telah mengambil kira cadangan pelupusan hutang tertunggak setakat 31 Ogos 2014 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 17 Disember 2014.

4.8.1.4. **Jadual 4.35** menunjukkan pergerakan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2014 di mana Kerajaan Negeri menyalurkan 6 pinjaman berjumlah RM108.06 juta kepada 5 peminjam dan mengenakan faedah pinjaman berjumlah RM7.34 juta. Penyaluran pinjaman ini adalah termasuk 4 pinjaman berjumlah RM106.18 juta yang diluluskan pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.35
Pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2014

Bil.	Agensi Peminjam	Baki Pinjaman 1.1.2014 (RM Juta)	Pinjaman Baru/ Keluaran Baki Pinjaman (RM Juta)	Faedah Yang Dikenakan Dalam Tahun 2014 (RM Juta)	Bayaran Balik Dan/Atau Pengecualian Bayaran Balik (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2014 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	40.00	80.00	0.00	0.00	120.00
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	23.93	0.00	0.00	18.22	5.71
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	108.48	0.00	3.20	50.89	60.79
Jumlah		172.41	80.00	3.20	69.11	186.50
Pihak Berkuasa Tempatan						
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	6.60	0.00	0.14	0.00	6.74
2	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2.17	0.71	0.00	0.00	2.88
3	Majlis Perbandaran Kajang	9.37	2.00	0.33	2.60	9.10
4	Majlis Perbandaran Selayang	15.30	0.00	0.58	2.98	12.90
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0.00	1.80	0.00	0.00	1.80
6	Majlis Daerah Sabak Bernam	9.47	0.00	0.36	0.30	9.53

Bil.	Agensi Peminjam	Baki Pinjaman 1.1.2014 (RM Juta)	Pinjaman Baru/ Keluaran Baki Pinjaman (RM Juta)	Faedah Yang Dikenakan Dalam Tahun 2014 (RM Juta)	Bayaran Balik Dan/Atau Pengecualian Bayaran Balik (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2014 (RM Juta)
7	Majlis Daerah Kuala Selangor	15.10	0.00	0.24	1.00	14.34
	Jumlah	58.01	4.51	1.65	6.88	57.29
Badan-badan Lain						
1	Yayasan Selangor	31.81	0.00	0.50	0.00	32.31
2	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	665.17	0.00	0.00	5.70	659.47
3	Amanah Saham Selangor	16.00	0.00	0.00	4.0	12.00
4	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	2.17	0.00	0.00	0.37	1.80
5	Kolej Antarabangsa INPENS	17.00	0.00	0.00	0.00	17.00
6	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	52.14	0.00	1.99	0.00	54.13
7	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.57	0.00	0.00	0.23	14.34
8	Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	3.27	23.55	0.00	0.00	26.82
	Jumlah	802.13	23.55	2.49	10.30	817.87
	Jumlah Keseluruhan	1,032.55	108.06	7.34	86.29	1,061.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.36
Penyaluran Pinjaman Tahun 2014 Bagi Pinjaman Yang Diluluskan Tahun 2013

Bil.	Agensi Peminjam	Tujuan	Jumlah (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Membangunkan semula di Zon Perindustrian Bebas Petaling Jaya (Datum In City).	80.00
2	Majlis Perbandaran Kajang	Menguruskan pelupusan sisa pepejal semasa tempoh penutupan premis Recycle Energy Sdn. Bhd..	2.00
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Membaiayai sebahagian Projek Kawalan Banjir di Taman Sri Serdang Seri Kembangan yang berjumlah RM8.74 juta.	0.63
4	Konsortium ABASS Sdn. Bhd.(Syarikat Subsidiari Kumpulan Darul Ehsan Berhad)	Menyalurkan sejumlah RM23.55 juta daripada Pendahuluan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM26.73 juta untuk Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.	23.55
	Jumlah		106.18

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.5. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan 7 pinjaman baru berjumlah RM91.52 juta pada tahun 2014. Sejumlah RM1.88 juta (15.5%) daripada RM12.12 juta bagi 2 pinjaman telah disalurkan walaupun perjanjian masih belum disempurnakan. Dua pinjaman tersebut adalah kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk membaiayai Kerja Menstabilkan Cerun Di 5 Lokasi Cerun Berisiko dan Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk membina Jalan Masuk Ke Sekolah Kebangsaan Taman Desaminium. Sementara itu, 5 pinjaman yang lain berjumlah RM79.40 juta masih dalam peringkat draf perjanjian dan tiada penyaluran dibuat setakat 31 Disember 2014.

4.8.1.6. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor telah membayar balik pinjaman sejumlah RM18.22 juta pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, RM14.39 juta merupakan penyelesaian secara kontra sebahagian hutangnya dengan pembayaran pampasan pengambilan tanah untuk kegunaan awam sebagai hutan lipur di Daerah Gombak yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Jun 2014.

4.8.1.7. Pada bulan Mac 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan kaedah penyelesaian hutang Kolej Antarabangsa INPENS berjumlah RM17 juta daripada kaedah secara berperingkat dengan membayar sejumlah RM2 juta atau RM3 juta selama 8 tahun mulai tahun 2013 kepada mempermudahkan keseluruhan pinjaman sekali gus di atas nama MBI pada tahun 2014. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2014, tindakan mempermudahkan pinjaman atas nama MBI belum dilaksanakan, menyebabkan pinjaman INPENS masih ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut.

4.8.1.8. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSKS) telah menjadi dorman sejak peranannya diambil alih oleh MBI pada bulan Januari 2010. Saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airport Berhad berjumlah RM15.05 juta yang telah dijual oleh PSKS pada tahun 2005 dan kemudian dilaraskan menjadi Pinjaman Boleh Dituntut kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2010 telah menjadi tanggungjawab MBI untuk menyelesaikan hutang tersebut. Mengikut jadual bayaran balik sehingga akhir tahun 2014, MBI telah membayar balik RM0.71 juta (termasuk RM0.23 juta yang dibayar pada tahun 2014) berbanding RM12.04 juta yang sepatutnya dibayar balik. MBI tidak membayar balik pinjaman secara berkala kerana perjanjian pinjaman yang disediakan pada tahun 2010 belum ditandatangani.


4.8.1.9. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.37** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.37
Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Agensi Peminjam	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	41.11	40.00	40.00	40.00	120.00
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	35.41	31.58	27.76	23.93	5.71
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	118.52	114.20	105.21	108.48	60.79
Jumlah		195.04	185.78	172.97	172.41	186.50
Pihak Berkuasa Tempatan						
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	0.00	3.48	3.62	6.60	6.74
2	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	11.05	8.89	4.40	2.17	2.88
3	Majlis Perbandaran Kajang	10.50	9.00	11.39	9.37	9.10
4	Majlis Perbandaran Selayang	20.47	18.59	17.65	15.30	12.90
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0.00	0.00	0.00	0.00	1.80
6	Majlis Daerah Sabak Bernam	2.11	2.23	7.51	9.47	9.53
7	Majlis Daerah Kuala Selangor	0.00	0.00	16.10	15.10	14.34
Jumlah		44.13	42.19	60.67	58.01	57.29
Badan-badan Lain						
1	Yayasan Selangor	30.81	30.81	31.31	31.81	32.31
2	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	230.40	238.40	248.47	665.17	659.47
3	Amanah Saham Selangor	20.00	20.00	20.00	16.00	12.00
4	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	3.20	2.80	2.40	2.17	1.80
5	Kolej Antarabangsa INPENS	17.00	17.00	17.00	17.00	17.00
6	Permodalan Negeri Selangor Berhad	2.13	0.00	0.00	0.00	0.00
7	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	91.69	46.54	47.16	52.14	54.13
8	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	15.05	15.05	15.05	14.57	14.34
9	Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	3.27	26.82
Jumlah		410.28	370.60	381.39	802.13	817.87
Baki Pada 31 Disember		649.45	598.57	615.03	1,032.55	1,061.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4
Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.10. Dengan merujuk kepada **Jadual 4.38**, perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2014 dengan 2013 menunjukkan penurunan sejumlah RM8.63 juta (9.2%). Penurunan ini disebabkan kuantum penurunan sejumlah RM40.53 juta (64.8%) bagi Badan Berkanun Negeri adalah lebih tinggi berbanding kuantum peningkatan bagi Badan-badan Lain dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sejumlah RM26.88 juta dan RM5.02 juta. Tunggakan bayaran balik bagi Badan Berkanun Negeri menurun kerana Kerajaan Negeri telah meluluskan hapus kira berjumlah RM43.69 juta bagi Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Jumlah ini terdiri daripada keseluruhan faedah pinjaman bagi tahun 1999 hingga 2014 berjumlah RM24.27 juta dan pokok pinjaman tertunggak bagi anuiti tahun 1999 hingga 2002 berjumlah RM19.42 juta. Manakala peningkatan bagi Badan-badan Lain adalah disebabkan Yayasan Selangor dan Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. tidak membayar balik pinjaman mengikut jadual bayaran yang ditetapkan. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri pula tidak membuat bayaran secara berkala kerana perjanjian dengan MBI belum ditandatangani.

Jadual 4.38
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut
Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Agensi Peminjam	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	(%)
1	Badan Berkanun Negeri	62.57	22.04	-40.53	-64.8
2	Pihak Berkuasa Tempatan	2.26	7.28	5.02	222.1
3	Badan-badan Lain	28.94	55.82	26.88	92.9
	Jumlah	93.77	85.14	-8.63	-9.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.11. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

Jadual 4.39

Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Agensi Peminjam	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Badan Berkanun Negeri	50.93	53.82	52.05	62.57	22.04
2	Pihak Berkuasa Tempatan	0.41	0.42	0.57	2.26	7.28
3	Badan-badan Lain	82.40	90.13	51.09	28.94	55.82
Jumlah		133.74	144.37	103.71	93.77	85.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam syarikat melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2014 dalam 9 syarikat MBI adalah berjumlah RM131.10 juta. Jumlah pelaburan ini tidak berubah bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2014 seperti di **Jadual 4.40** manakala **Jadual 4.41** menunjukkan dividen berjumlah RM5.91 juta yang diterima pada tahun 2010 hingga 2014.

Jadual 4.40

**Kedudukan Pelaburan Melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Syarikat	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	104.06	104.06	104.06	104.06	104.06
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00
3	MSNS Holdings Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	0.64	0.64	0.64	0.64	0.64
5	Selangor State Investment Centre Berhad	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
6	Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
7	Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
8	Rantaian Mesra Sdn. Bhd.*	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
9	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.* (KSSB)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		131.10	131.10	131.10	131.10	131.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: * Saham Bernilai RM2 Mulai Tahun 2008

Jadual 4.41
Dividen Diterima Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Pelaburan (RM Juta)	Dividen Diterima		Syarikat Yang Membayar
		Jumlah (RM)	Bagi Tahun Kewangan	
2010	131.10	5,885,429	2010	PNSB
2011	131.10	11,100	2009	PNB
2012	131.10	4,275	2009	PNB
2013	131.10	0	-	-
2014	131.10	11,946	2011 hingga 2014	PNB
Jumlah		5,912,750		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.2. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri hanya menerima dividen berjumlah RM11,946 daripada PNB. Tiga syarikat lain iaitu KDEB, PNSB dan KSSB, sungguhpun tidak membayar sebarang dividen telah memberi pelbagai sumbangan berjumlah RM5.30 juta seperti di **Jadual 4.42**. Lima syarikat lain juga tidak membayar dividen kerana bukan merupakan syarikat berorientasikan keuntungan tetapi menunaikan tanggungjawab sosial.

Jadual 4.42
Sumbangan Diterima

Bil.	Syarikat	Bentuk Sumbangan				
		Tabung Warisan (RM Juta)	Program Sempena Hari Raya Aidil Adha MBI (RM Juta)	Program Kerajaan Prihatin (RM Juta)	Akaun Amanah Golf Selangor Masters (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1	KDEB	0.16	0.41	-	-	0.57
2	PNSB	1.34	0.41	1.00	0.20	2.95
3	KSSB	0.32	0.41	1.00	0.05	1.78
Jumlah		1.82	1.23	2.00	0.25	5.30

Sumber: Perbendaharaan Negeri

4.8.2.3. Jumlah pelaburan RM131.01 juta setakat 31 Disember 2014 belum mengambil kira saham Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS) bernilai RM55 juta. Ini adalah kerana PIYS masih belum menerbitkan saham ini sungguhpun bayaran telah dibuat kepada MBI. Bayaran tambahan sejumlah RM5 juta turut dibuat pada bulan Februari 2015 bagi tujuan yang sama. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara ini berlaku kerana pada 12 Mac 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM60 juta pada asalnya untuk memberi pinjaman/pendahuluan kepada MBI bertujuan membaik pulih asrama dan sistem pembentungan di Universiti Selangor (UNISEL). Memandangkan Enakmen MBI tidak memperuntukkan kuasa yang jelas kepada MBI untuk membuat pinjaman/menerima pendahuluan, maka Kerajaan Negeri telah meluluskannya sebagai permodalan pendahuluan dalam bentuk saham terbitan PIYS.

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43
Hutang Awam Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Projek Bekalan Air	777.13	874.73	97.60	12.6
2	Perumahan Awam Kos Rendah	50.42	31.84	-18.58	-36.9
3	Pelbagai Pinjaman	55.06	50.62	-4.44	-8.1
Baki Pada 31 Disember		882.61	957.19	74.58	8.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.2. Pada tahun 2014, baki Hutang Awam telah meningkat sejumlah RM74.58 juta (8.4%) kepada RM957.19 juta berbanding RM882.61 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan kuantum terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM106.87 juta lebih besar berbanding kuantum bayaran balik hutang yang telah dibuat berjumlah RM32.29 juta. Terimaan pinjaman tersebut adalah untuk membiayai 2 projek lama dan 3 projek baru. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.44**.

Jadual 4.44
Pergerakan Hutang Awam Tahun 2014

Butiran	Baki Pada 1.1. 2014 (RM Juta)	Terimaan Pinjaman (RM Juta)	Bayaran Pokok Pinjaman (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2014 (RM Juta)
1. Projek Bekalan Air:				
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih	3.27	26.73	0.00	30.00
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	45.11	1.17	0.00	46.28
c. Projek Bekalan Air Negeri Selangor	728.75	0.00	9.27	719.48
d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Selangor Fasa 1	0.00	20.94	0.00	20.94
e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	0.00	47.74	0.00	47.74
f. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa	0.00	10.29	0.00	10.29
Jumlah	777.13	106.87	9.27	874.73
2. Perumahan Awam Kos Rendah	50.42	0.00	18.58	31.84
3. Pelbagai Pinjaman:				
a. Amanah Saham Selangor	16.59	0.00	1.23	15.36
b. Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	38.47	0.00	3.21	35.26
Jumlah	55.06	0.00	4.44	50.62
Jumlah Keseluruhan	882.61	106.87	32.29	957.19


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: RM32.29 juta + RM8.89 juta (Faedah Pinjaman) - RM9.27 juta (Bayaran Balik Pinjaman 2013 Yang Dibuat Oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. Terus Kepada Kerajaan Persekutuan Pada Tahun 2014)
= RM31.91 juta

4.8.3.3. Bayaran balik Hutang Awam terdiri daripada bayaran Projek Bekalan Air Negeri Selangor tahun 2013 yang dibuat oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn.

Bhd. (SYABAS) terus kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014; Perumahan Awam Kos Rendah dan Pelbagai Pinjaman masing-masing berjumlah RM9.27 juta, RM18.58 juta dan RM4.44 juta.

4.8.3.4. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.5**. Trend baki Hutang Awam tidak menunjukkan perubahan yang ketara disebabkan terdapat terimaan pinjaman baru pada tahun 2014 berjumlah RM78.97 juta bagi membiayai 3 projek baru walaupun bayaran balik pinjaman berjumlah RM32.29 juta telah dibuat pada tahun yang sama.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.5. **Jadual 4.45** menunjukkan kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2010 hingga 2014. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya tunggakan bayaran balik Hutang Awam mulai menurun pada tahun 2011 hingga 2014 dengan sedikit peningkatan pada tahun 2012. Pada akhir tahun 2014, tunggakan bayaran balik Hutang Awam berjumlah RM35.09 juta telah menurun sejumrah RM14.18 juta (28.8%) berbanding tahun 2013.

Jadual 4.45
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Projek Bekalan Air	564.26	0.00	9.27	9.27	12.36
2	Perumahan Awam Kos Rendah	62.53	51.42	48.00	40.00	22.73
3	Pelbagai Pinjaman	29.60	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		656.39	51.42	57.27	49.27	35.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.6. Analisis Audit mendapati tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi Projek Bekalan Air meningkat disebabkan peningkatan anuiti daripada RM9.27 juta pada tahun 2013 kepada RM12.36 juta pada tahun 2014. Manakala tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi Perumahan Awam Kos Rendah menurun disebabkan bayaran balik berjumlah RM25.27 juta dibuat pada tahun 2014.

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2014, baki ABT berjumlah RM411.83 juta iaitu menurun sejumlalh RM34.17 juta (7.7%) berbanding RM446 juta pada tahun 2013. Punca utama penurunan adalah disebabkan pada 10 Disember 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan penyelarasan baki pinjaman Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah dengan menghapus kira keseluruhan faedah pinjaman bagi tahun 1999 hingga 2014 berjumlah RM24.27 juta dan pokok pinjaman tertunggak bagi anuiti tahun 1999 hingga 2002 berjumlah RM19.42 juta. Kedudukan ABT pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.46**.

Jadual 4.46
Kedudukan Akaun Belum Terima Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013 (RM)	2014 (RM)	Perubahan	
			(RM)	(%)
Tunggakan Hasil				
1. Cukai Tanah	349,185,688	324,123,848	-25,061,840	-7.2
2. Lain-lain Hasil	325,907	240,237	-85,670	-26.3
3. Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	310,515	29,889	-280,626	-90.4
4. Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	86,590	86,542	-48	-0.1
5. Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	62,575,411	22,037,702	-40,537,709	-64.8
6. Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut:				
i. Yayasan Selangor	1,750,770	2,626,155	875,385	50.0
ii. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	4,567,792	7,209,335	2,641,543	57.8
iii. Majlis Daerah Sabak Bernam	360,680	721,360	360,680	100.0
iv. Majlis Bandaraya Shah Alam	0	139,078	139,078	100.0
v. Majlis Daerah Kuala Selangor	0	244,000	244,000	100.0
Jumlah	419,163,353	357,458,146	-61,705,207	-14.7
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman				
1. Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,162,199	882,542	-279,657	-24.1
2. Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia	876,578	876,226	-352	-0.04
3. Pinjaman Boleh Dituntut				
i. Yayasan Selangor	6,951,674	10,427,512	3,475,838	50.0
ii. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	4,119,973	7,192,504	3,072,531	74.6
iii. Kolej Antarabangsa INPENS	3,000,000	17,000,000	14,000,000	466.7
iv. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	0	33,333	33,333	100.0
v. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	8,546,320	11,330,115	2,783,795	32.6
vi. Majlis Daerah Sabak Bernam	901,700	1,821,700	920,000	102.0
vii. Majlis Bandaraya Shah Alam	0	1,233,661	1,233,661	100.0
viii. Majlis Daerah Kuala Selangor	1,000,000	3,126,232	2,126,232	212.6
Jumlah	26,558,444	53,923,825	27,365,381	103.0
Tunggakan Hutang Lain				
1. Jabatan Agama Islam	178,990	290,559	111,569	62.3
2. Perpendaharaan Negeri (Unit Cukai Hiburan)	68,995	68,995	0.00	0.00
3. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor	0	58,350	58,350	100.0
4. Pejabat Tanah Dan Galian (Pendahuluan Diri)	21,947	21,947	0	0
5. Pejabat Daerah Dan Tanah Klang (Pentadbiran)	3,595	3,687	92	2.6
6. Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Program Hadiah Anak Masuk Universiti	5,000	3,000	-2000	-40.0
7. Pejabat Daerah Dan tanah Hulu Selangor (Pendahuluan Diri)	0	1,554	1,554	100.0
Jumlah	278,527	448,092	169,565	60.9
Jumlah Keseluruhan	446,000,324	411,830,063	-34,170,261	-7.7

Sumber: Perpendaharaan Negeri

4.9.1.2. Sebahagian besar daripada ABT berjumlah RM411.83 juta terdiri daripada tunggakan hasil berjumlah RM357.46 juta (86.8%). Manakala penyumbang utama kepada tunggakan hasil adalah tunggakan cukai tanah. Perbandingan tunggakan cukai tanah bagi tahun 2013 dan 2014 menunjukkan tunggakan cukai tanah telah menurun sejumlah RM25.07 juta (7.2%) daripada RM349.19 juta pada tahun 2013 menjadi RM324.12 juta

pada tahun 2014. Kedudukan tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat Daerah Dan Tanah pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.47**.


Jadual 4.47
Kedudukan Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Daerah Dan Tanah
Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Petaling	173.86	160.52	-13.34	-7.7
2	Gombak	45.48	47.92	2.44	5.4
3	Klang	41.04	40.34	-0.70	-1.7
4	Hulu Selangor	41.87	29.48	-12.39	-29.6
5	Hulu Langat	28.07	29.24	1.17	4.2
6	Kuala Selangor	5.63	6.32	0.69	12.3
7	Sepang	4.51	5.12	0.61	13.5
8	Kuala Langat	7.56	4.37	-3.19	-42.2
9	Sabak Bernam	1.17	0.81	-0.36	-30.8
Jumlah		349.19	324.12	-25.07	-7.2

Sumber: Perbendaharaan Negeri

4.9.1.3. Analisis trend tunggakan cukai tanah menunjukkan tunggakan cukai tanah menurun setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2014. Secara keseluruhan, tunggakan cukai tanah telah menurun sejumlah RM162.25 juta (33.4%) dalam tempoh 5 tahun daripada RM486.37 juta pada tahun 2010 kepada RM324.12 juta pada tahun 2014. Kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.6**.

Carta 4.6
Kedudukan Tunggakan Cukai Tanah Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Perbendaharaan Negeri

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2014 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM3.20 bilion meningkat sejumrah RM293.80 juta (10.1%) berbanding RM2.91 bilion pada tahun 2013. Pelaburan dan kutipan hasil turut meningkat masing-masing sejumrah RM545.32 juta (21.2%) dan RM75.11 juta (3.5%). Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangannya dengan surplus berjumlah RM111.94 juta berbanding defisit berjumlah RM90.45 juta pada tahun 2013.

4.10.2. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2014 telah meningkat 2.8% berbanding tahun 2013. Pada masa yang sama, tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sebanyak 9.2%. Sungguhpun Hutang Awam telah meningkat 8.4% pada tahun 2014 namun tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah menurun sebanyak 28.8%.

4.10.3. Kerajaan Negeri disarankan supaya meneruskan usaha mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada Jabatan/Agensi Kerajaan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Selangor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015 telah digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Selangor. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Misi Nasional yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan merealisasikan Wawasan 2020.

5.1.2. Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan pembangunan RMKe-10 berjumlah RM3.60 bilion bagi melaksanakan 884 projek/program iaitu 768 projek (fizikal) dan 116 program (bukan fizikal). Tiga Jabatan yang menerima peruntukan yang tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Agama Islam. Agihan peruntukan untuk projek/program yang diluluskan di bawah RMKe-10 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Agihan Peruntukan Pembangunan RMKe-10 Dan
Bilangan Projek/Program Mengikut Jabatan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-10		Bilangan Projek Dan Program		
		(RM Juta)	(%)	Projek	Program	Jumlah
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,815.10	50.4	11	95	106
2	Jabatan Kerja Raya	874.00	24.3	262	-	262
3	Jabatan Agama Islam	468.40	13.0	116	-	116
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	239.00	6.6	246	-	246
5	Jabatan Pertanian	67.00	1.9	66	-	66
6	Perbendaharaan Negeri					
	- Program Am	28.00	0.8	-	1	1
	- Pengkomputeran	5.00	0.1	-	1	1
	- Luar Jangka	8.30	0.2	-	-	-
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	32.50	0.9	8	19	27
8	Jabatan Kehakiman Syariah	25.80	0.8	13	-	13
9	Jabatan Perhutanan	24.40	0.7	38	-	38
10	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	12.50	0.3	8	-	8
Jumlah		3,600.00	100	768*	116	884

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: *Sehingga 31 Disember 2014, Sebanyak 148 Projek Di Bawah Jabatan Kerja Raya Telah Digugurkan
Menjadikan Jumlah Projek Sebenar Dirancang Untuk Dilaksanakan Sebanyak 620 Projek.

5.2. PENCAPAIAN RMKe-10

5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan

5.2.1.1. Pada tahun 2014, sejumlah RM781.70 juta (90.7%) daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM862.01 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 5.2** manakala **Jadual 5.3** menunjukkan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan. Semua jabatan kecuali Jabatan Agama Islam dan Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran) telah membelanja melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan. Jabatan Agama Islam dan Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran) masing-masing telah membelanjakan 73.1% dan 26%.

Jadual 5.2
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2014

Kaedah	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
Langsung	712.92	665.39	93.3
Pinjaman	149.09	116.31	78.0
Jumlah	862.01	781.70	90.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 5.3
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2014 Mengikut Jabatan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	488.51	448.03	91.7
2	Jabatan Kerja Raya	179.00	177.52	99.2
3	Jabatan Agama Islam	120.00	87.67	73.1
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	45.00	43.16	95.9
5	Jabatan Pertanian	10.00	8.01	80.1
6	Perbendaharaan Negeri			
	- Program Am	4.00	3.50	87.5
	- Pengkomputeran	1.00	0.26	26.0
	- Luar Jangka	0.00	0.00	0.0
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7.00	6.53	93.3
8	Jabatan Kehakiman Syariah	*0.00	0.00	0.0
9	Jabatan Perhutanan	5.00	4.58	91.6
10	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	2.50	2.44	97.6
	Jumlah	862.01	781.70	90.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: *Peruntukan (Token) Jabatan Kehakiman Syariah Bagi Tahun 2014 Adalah RM130 Untuk 13 Projek Yang Telah Siap

5.2.1.2. Bagi 4 tahun pertama RMKe-10 sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM2.56 bilion telah dibelanjakan. Jumlah ini merupakan 89% daripada peruntukan pembangunan RMKe-10 bagi 4 tahun ini dan 71.2% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan RMKe-10. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 bagi setiap tahun sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10
Mengikut Tahun (2011 Hingga 2014)

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
2011	620.03	502.38	81.0
2012	684.41	647.67	94.6
2013	712.03	630.85	88.6
2014	862.01	781.70	90.7
Jumlah 2011-2014	2,878.48	2,562.60	89.0
Jumlah RMKe-10	3,600.00	2,562.60	71.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.2.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek

5.2.2.1. Di bawah RMKe-10, sebanyak 768 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 148 projek telah digugurkan menjadikan projek sebenar dirancang untuk dilaksanakan sebanyak 620 projek. Daripada 620 projek tersebut, sebanyak 228 projek telah disiapkan manakala 247 projek dalam peringkat pelaksanaan/perancangan. Bagaimanapun, terdapat 76 projek belum mula. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.5** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.5
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2014

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Projek Diluluskan	Siap	Dalam Pelaksanaan			DP	Belum Mula	Gugur	Token
				IJ	DJ	LJ				
1	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	11	5	2	-	-	2	-	-	2
2	Jabatan Kerja Raya	262	80	4	1	11	17	1	148	-
3	Jabatan Agama Islam	116	42	10	4	9	7	44	-	-
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	246	60	107	-	-	-	30	-	49
5	Jabatan Pertanian	66	1	57	-	-	-	1	-	7
6	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8	-	7	-	-	1	-	-	-
7	Jabatan Kehakiman Syariah	13	13	-	-	-	-	-	-	-
8	Jabatan Perhutanan	38	27	-	-	-	-	-	-	11
9	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	8	-	8	-	-	-	-	-	-
Jumlah		768	228	195	5	20	27	76	148	69
Jumlah Besar		768	228	220			27	293		

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: Projek Oleh Perbendaharaan Negeri Tidak Disenaraikan Kerana Bukan Projek Fizikal


IJ - Ikut Jadual

DJ - Dahulu Jadual

LJ - Lewat Jadual

DP - Dalam Perancangan

Carta 5.1
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2014



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri

5.2.2.2. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

- a. Daripada 220 projek dalam pelaksanaan, terdapat 20 (9.1%) projek yang lewat jadual. Lima projek lewat jadual dengan kos projek tertinggi adalah seperti di **Jadual 5.6**. Faktor utama yang menyumbang kepada projek lewat jadual adalah kerana isu pengambilan tanah, masalah kontraktor dan perubahan reka bentuk.

Jadual 5.6
Lima Projek Lewat Jadual Dengan Kos Projek Tertinggi

Jabatan	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)
Jabatan Kerja Raya	i. Membina Jambatan Ke-3 Klang	500.00
	ii. Menaik Taraf Laluan B17 (Jalan Reko)	60.00
	iii. Membina Jalan Sambungan B18/B20 Fasa IV	50.00
	iv. Menaik Taraf Laluan B58 Jalan Banting-Raba	40.00
	v. Menaik Taraf Jalan Negeri B27 Jalan Rawang - Batang Berjuntai	30.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Dan Jabatan

- b. Bagi 76 projek belum mula pula, 7 projek belum mula dengan kos projek tertinggi adalah seperti di **Jadual 5.7**. Antara sebab projek belum mula adalah projek berada dalam pelbagai proses antaranya proses pengambilan balik tanah oleh pihak Pentadbir Tanah dan perubahan reka bentuk projek.

Jadual 5.7
Tujuh Projek Belum Mula Dengan Kos Projek Tertinggi

Jabatan	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)
Jabatan Kerja Raya	i. Menaik Taraf Jalan B48 Daripada Simpang 3 Jenderam Ke Pekan Simpang Lama Fasa 2	55.00
Jabatan Agama Islam	i. Masjid U10 Bandar Nusa Rhu	8.00
	ii. Sekolah Rendah Agama Denai Alam	6.00
	iii. Masjid Jalan Kebun	6.00
	iv. Masjid Al-Mustaqim Taman Nirwana 2 Ampang	6.00
	v. Masjid Cyberjaya Dengkil	6.00
	vi. Sekolah Rendah Agama Subang Bestari	6.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Dan Jabatan

- c. Sebanyak 148 daripada 262 projek pembangunan RMKe-10 Jabatan Kerja Raya digugurkan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan selaras dengan siling peruntukan pembangunan RMKe-10 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM3.60 bilion. Lima projek yang telah digugurkan dengan nilai siling peruntukan tertinggi adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Lima Projek Gugur Dengan Siling Peruntukan Pembangunan RMKe-10 Tertinggi

Bil.	Nama Projek	Peruntukan Siling (RM Juta)
1	Simpang 3 Jenderam Ke Salak Tinggi Fasa 1	60.00
2	Menaik Taraf Laluan B44 Jalan Sungai Panjang Dari Kemajuan Tanah Belia 2 Ke Kampung Parit 15 Fasa 2	60.00
3	Menaik Taraf Jalan Kampung Sri Cheeding	40.00
4	Menaik Taraf Jalan Lama Kuala Selangor	40.00
5	Menaik Taraf Laluan B42 Dari Kampung Raja Musa Ke Laluan FT005 Fasa 2	40.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Dan Jabatan

5.3. RUMUSAN

Secara keseluruhan, pencapaian perbelanjaan peruntukan pembangunan RMKe-10 adalah baik memandangkan 90.7% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan bagi tahun 2014 telah dibelanjakan. Selain itu, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi 4 tahun pertama RMKe-10 adalah 89% daripada siling peruntukan pembangunan RMKe-10. Bagaimanapun, prestasi pelaksanaan projek perlu dipertingkatkan kerana sehingga 31 Disember 2014, hanya 228 projek (36.8%) telah disiapkan manakala 247 projek (39.8%) dalam pelaksanaan/perancangan dan 76 projek (12.3%) masih belum mula.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Negeri Selangor.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2014, beberapa usaha penambahbaikan/pembaharuan telah diambil oleh 8 Jabatan/Agensi Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri

Bil.	Jabatan/Agensi	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
1	Setiausaha Kerajaan Negeri	i. Menyediakan Borang Senarai Semak bagi memudahkan proses permohonan berkaitan urusan kewangan dan bayaran untuk panduan dan rujukan pemohon selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014. Perkara ini bertujuan memastikan setiap permohonan yang diterima dapat diproses dengan lancar dan berkesan serta mematuhi peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa.
2	Jabatan Kerja Raya	i. Menubuhkan Pasukan Naziran untuk memantau aset kenderaan projek dari segi penggunaan, pengurusan dan penyenggaraan. Naziran telah dilaksanakan daripada bulan April hingga November 2014. ii. Mengguna pakai Prosedur Operasi Standard berkaitan Kemalangan Kenderaan Jabatan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.
3	Perbendaharaan Negeri	i. Mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 4 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam. Antara perbelanjaan yang dikawal ialah eluan keraian/imbuhan tetap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kelayakan tiket penerbangan dan perjalanan ke luar negara dan penggunaan syarikat <i>Event Management</i> . ii. Mewujudkan Sistem Pemantauan Profil Syarikat Perbendaharaan Negeri Selangor bagi memudahkan semakan status dan mengesan syarikat/pemaju. Sistem ini perlu kerana timbul masalah penghutang cukai tanah tegar disebabkan oleh syarikat/pemaju yang telah

Bil.	Jabatan/Agensi	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
		digulung/dibubarkan/tidak membuat urusan pindah hak milik kepada pihak pembeli hartanah. iii. Membayar utiliti melalui <i>Electronic Fund Transfer (EFT)</i> untuk mengurangkan kos pemprosesan cek.
4	Pejabat Tanah Dan Galian	i. Mengajurkan Kursus Pengiraan Cukai Tanah sebagai persediaan penyemakan kadar-kadar cukai tanah yang hanya boleh dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada 10 tahun.
5	Jabatan Agama Islam	i. Memperkenalkan Prosedur Kualiti: PK-JAIS-(S)-25 (Pengurusan Pembayaran Utiliti Bagi Premis JAIS di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada bulan Mac 2014 bertujuan memastikan pembayaran bil utiliti diuruskan dengan konsisten serta mengelak dari berlakunya tunggakan yang boleh mengakibatkan pemotongan bekalan premis seliaan PTJ (contoh: masjid, sekolah).
6	Majlis Perbandaran Subang Jaya	i. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui portal MPSJ, Mesin Deposit dan myBayar. ii. Menggunakan Apps <i>Integrated Mobile MPSJ (IMMPSJ)</i> untuk mengeluarkan bil dan terima bayaran di tapak.
7	Majlis Perbandaran Selayang	i. Membayar tuntutan bayaran balik cagaran melalui EFT dan utiliti secara pukal melalui <i>Telegraphic Transfer (TT)</i> . ii. Mencipta dan membangunkan Sistem Carian Baucar secara elektronik untuk mencari baucar yang diperlukan oleh pihak dalaman dan luaran serta untuk tujuan pengauditian.
8	Majlis Daerah Hulu Selangor	i. Meluaskan ruang menunggu pelanggan dengan memasang sistem nombor menunggu di kafeteria yang terletak di luar bangunan pejabat. Pelanggan boleh bersantai sambil mengambil makanan dan minuman dahulu sehingga nombor mereka dipanggil.

Sumber: Jabatan/Agensi Negeri

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit 1957 dan peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala bagi pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan atau *ranking* berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 Dan Ke Bawah	Tidak Memuaskan	

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan di 15 Jabatan/Agensi Negeri terdiri daripada 6 Jabatan dan 9 Agensi Negeri. Semua Jabatan/Agensi Negeri tersebut dipilih berdasarkan pusingan 3 tahun kecuali Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang wajib diaudit setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2014 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2013 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan 9 Agensi Negeri yang terlibat secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 6 Jabatan adalah berasaskan pengauditan terhadap prestasi kewangan 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi 9 Agensi Negeri yang diaudit, selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan turut dinilai. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepetimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- d. Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1/2013 menetapkan bahawa Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1/2013 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014, Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Negeri dan Daerah bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, mengemukakan laporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat yang lebih tinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan.

d. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan projek dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan di Negeri Selangor dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 2 Tahun 2013 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh di mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi

dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan penerimaan melalui perbankan *internet*.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui 1PP WP 10.6/2013 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4/2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut pekeliling/surat pekeliling perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2/2013 dan 1PP WP 9.3/2013.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1/2013.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2/2013.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.3/2013.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

8.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu,

semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP KP 1.1/2013 Pengurusan Aset Kerajaan, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut 1PP KP 2.2/2013 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Penerimaan dan KP 6.2/2013 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS): Penerimaan, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

8.4.6.3. Pendaftaran

1PP KP 2.3/2013 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Pendaftaran menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP KP 2.4/2013 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan dikendalikan dengan cekap dan teratur. Pengeluaran/ penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa dan Pegawai Pemverifikasi Stor tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- d. 1PP WP 4.1/2013 Pengurusan Kenderaan Kerajaan menetapkan:
 - Penggunaan kenderaan Jabatan/Agenzi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
 - Penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA hendaklah dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak sebulan tidak melebihi had yang diluluskan. Jika penggunaan bahan api melebihi had yang dibenarkan, Ketua Jabatan hendaklah membuat kutipan bayaran balik daripada pegawai.
 - Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Kad Inden perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
 - Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini oleh Pegawai Kenderaan.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP KP 2.5/2013 adalah berkaitan.
- b. Kehendak 1PP WP 4.1/2013 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, butir penyenggaraan/pembaikan direkodkan dan kenderaan disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP KP 2.6/2013, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. LPP juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP KP 2.7/2013, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan

Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kelulusan diperoleh.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyerahan Penyata Kewangan


Kerajaan Negeri Selangor melalui Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 18 Tahun 2009 dan 1PP PA 3.1/2013 menetapkan Agensi Negeri hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Peraturan ini dibuat bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Kerajaan Negeri/Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada tahun yang sama dan tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun. Ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus di pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, penyata kewangan yang dibentang awal adalah lebih telus dan relevan bagi *stakeholders* untuk menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhan prestasi pengurusan kewangan 15 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014 adalah baik di mana 8 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik dan 7 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014 adalah seperti di **Carta 8.1**. Manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2007 hingga 2014 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2007 Hingga 2014

Tahap Penarafan	Bilangan Jabatan/Agensi Negeri							
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	-	1	1	4	8	5	10	8
Baik	8	13	14	11	10	11	7	7
Memuaskan	2	-	1	1	-	-	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	10	14	16	16	18	16	17	15

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama


8.5.2.1. Jabatan Negeri

Tahap pematuhan Pengurusan Kewangan bagi 6 Jabatan mengikut 6 kawalan utama adalah seperti di **Carta 8.2**. Berikut adalah hasil analisis terhadap tahap pematuhan Pengurusan Kewangan Jabatan tersebut berdasarkan carta berikut:

- a. Bagi Kawalan Pengurusan, 2 Jabatan mencatat tahap sangat baik, 3 Jabatan tahap baik dan satu Jabatan tahap memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan di Jabatan yang mencatat tahap memuaskan ialah pusingan tugas tidak dirancang; Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini; Pemeriksaan Mengejut tidak meliputi peti besi. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) tidak bermesyuarat 3 bulan sekali; Laporan Suku Tahun JPKA lewat dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- b. Lima Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan satu Jabatan tahap baik bagi Kawalan Bajet.
- c. Bagi Kawalan Terimaan, 5 Jabatan berada pada tahap sangat baik manakala satu Jabatan tidak terlibat dengan aktiviti terimaan.
- d. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula, 2 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 4 Jabatan tahap baik.
- e. Dari segi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, 2 Jabatan berada pada tahap sangat baik, 2 Jabatan tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan dan satu Jabatan tidak terlibat dengan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit. Antara kelemahan yang ditemui daftar pinjaman komputer tidak diselenggarakan; invois dan resit pembelian komputer tidak difaikkan dalam fail peribadi; Rekod Kecil Deposit tidak dijumlahkan dan disamakan dengan Akaun Utama setiap bulan; tidak dapat menentukan jumlah deposit yang perlu diwartakan serta deposit yang tidak dituntut selepas diwartakan.
- f. Bagi Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor, 2 Jabatan berada pada tahap sangat baik, 2 Jabatan berada pada tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan dan satu Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan di 2 Jabatan berkenaan ialah Borang Terimaan Barang-barang Stor (KEW.PS-1) tidak disediakan; Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan; pengeluaran barang-barang stor tidak teratur; tiada surat lantikan bagi Pegawai Pemeriksa Aset; pemeriksaan dan verifikasi stor tidak dilaksanakan; senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) tidak disediakan; pelupusan aset tidak mengikut tatacara yang ditetapkan; Kad Inden Minyak dan Kad Sistem Tol Tanpa Resit

disimpan oleh pemandu; Daftar Penggunaan Kad Sistem Tol Tanpa Resit tidak diselenggarakan.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 6 Jabatan Mengikut 6 Kawalan Utama
Bagi Jabatan Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Jabatan tidak terlibat dalam aktiviti Pengurusan Amanah Dan Deposit

8.5.2.2. Agensi Negeri


Tahap pematuhan pengurusan kewangan 9 Agensi Negeri mengikut 9 kawalan utama adalah seperti di **Carta 8.3**. Berikut adalah hasil analisis terhadap tahap pematuhan Pengurusan Kewangan Agensi tersebut berdasarkan carta tersebut:

- Dari segi Kawalan Pengurusan, 8 Agensi mencapai tahap sangat baik dan satu Agensi tahap baik.
- Bagi Kawalan Bajet, 6 Agensi mencapai tahap sangat baik dan 3 agensi tahap baik.
- Bagi Kawalan Terimaan pula, 5 Agensi berada pada tahap sangat baik dan 4 Agensi tahap baik.
- Tiga Agensi mencapai tahap sangat baik dalam Kawalan Perbelanjaan manakala 6 Agensi lain di tahap baik.
- Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, 5 Agensi mencapai tahap sangat baik, satu Agensi memperoleh tahap baik, 2 Agensi tahap memuaskan dan satu Agensi pada tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan di 3 Agensi berkenaan ialah Surat Arahan Amanah dan Penyata Penyesuaian tidak disediakan; salinan resit pembelian, Kad Pendaftaran Kenderaan (Geran) dan Sijil Insuran Komprehensif tidak disimpan dalam fail pinjaman kenderaan; Geran tidak

dicop ‘Hak Milik Dituntut Kerajaan/Agenzi’; Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer tidak diselenggara dengan lengkap; invois pembelian komputer tidak difaikkan dalam fail peribadi; Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggara dengan lengkap dan bayaran balik serta penyelarasannya tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan; deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dan tidak diperlukan lagi tidak diwartakan.

- f. Lima Agenzi mendapat tahap sangat baik dan 2 di tahap baik dalam Pengurusan Aset Dan Stor. Baki 2 Agenzi masing-masing memperoleh tahap memuaskan dan tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti di 2 Agenzi berkenaan ialah Unit Pengurusan Aset tidak menyediakan Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dengan lengkap; aset dan barang stor yang menarik tidak disimpan di tempat yang selamat dan kawalan maksimum; pemeriksaan aset tidak dilaksanakan; Pelarasan stok tidak dilaksanakan apabila terdapat perbezaan disebabkan silap pengiraan; pemeriksaan stok dan verifikasi stor tidak dilaksanakan. Bagi pengurusan kenderaan Agenzi, Pegawai Pengangkutan tidak dilantik bagi Agenzi yang mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan khas; fail sejarah kenderaan tidak diselenggara bagi setiap kenderaan; tiada kelulusan bagi penggunaan kenderaan; Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; Kad Inden Minyak dan Kad Sistem Tol Tanpa Resit disimpan oleh pemandu; tiada bukti semakan penyata pembelian/penyata kad kepada salinan resit sebelum bayaran dilakukan; Daftar Penggunaan Kad Sistem Tol Tanpa Resit tidak diselenggarakan.
- g. Bagi Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman, 7 Agenzi masing-masing memperoleh tahap sangat baik manakala 2 Agenzi lain tidak terlibat dengan aktiviti pelaburan.
- h. Tujuh Agenzi telah mencapai tahap sangat baik dalam Pengurusan Pinjaman manakala 2 Agenzi yang lain masing-masing tidak terlibat dengan Pengurusan Pinjaman.
- i. Dalam aspek Pengesahan Penyata Kewangan, kesemua 9 Agenzi telah mencapai tahap sangat baik.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 9 Agensi Negeri Mengikut 9 Kawalan Utama
Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: Satu Agensi tidak terlibat dalam aktiviti Pelaburan dan 2 Agensi tidak terlibat dalam aktiviti Pinjaman

8.5.3. Analisis Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

8.5.3.1. Analisis Audit terhadap 15 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tahun 2007 hingga 2014 menunjukkan, prestasi pengurusan kewangan telah bertambah baik bagi 10 Jabatan/Agensi Negeri di mana prestasi tahun 2014 meningkat berbanding prestasi tertinggi tahun sebelumnya. Manakala prestasi pengurusan kewangan menurun bagi 5 Jabatan/Agensi iaitu Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

8.5.3.2. Lapan Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik pada tahun 2014. Majlis Perbandaran Ampang Jaya memperoleh prestasi terbaik antara 8 Jabatan/Agensi tersebut. Prestasinya juga meningkat berbanding prestasi tertinggi tahun sebelumnya. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan masih kekal pada tahap sangat baik bagi tempoh 4 tahun berturut-turut mulai tahun 2011 dan prestasi tahun 2014 juga meningkat berbanding prestasi tertinggi tahun sebelumnya. Majlis Agama Islam Selangor serta Jabatan Kehakiman Dan Syariah Negeri Selangor juga mencatat peningkatan prestasi pada tahun 2014 berbanding prestasi tertinggi tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tahap pencapaian kedua-dua Jabatan/Agensi Negeri tersebut telah bertambah baik daripada tahap baik pada tahun 2013 kepada tahap sangat baik pada tahun 2014. Kedudukan prestasi pengurusan kewangan tahun 2014 bagi 15 Jabatan/Agensi Negeri berbanding prestasi tertinggi tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4
Kedudukan Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2014 Berbanding Prestasi Tertinggi Tahun Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

8.6.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 42 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang mana 15 Jabatan/Pejabat/Agensi telah mematuhi peraturan kewangan berkaitan seperti di **Jadual 8.3** manakala 27 Jabatan/Pejabat/Agensi lain mempunyai kelemahan tertentu seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.3
Jabatan/Pejabat/Agenzi Yang Mematuhi Peraturan Kewangan

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agenzi
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2	Perbendaharaan Negeri Selangor
3	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat
4	Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang
5	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
6	Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam
7	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sepang
8	Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat
9	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling
10	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam
11	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
12	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
13	Lembaga Zakat Selangor, Kaunter Petaling Jaya
14	Majlis Perbandaran Kajang
15	Majlis Perbandaran Selayang - Taman Sri Gombak

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.4
Isu Audit Hasil Daripada Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2014

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agenzi	Isu Audit
1	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. ii. Baki wang tunai Panjar Wang Runcit (PWR) dalam tangan tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR. iii. Kad akses/katalaluan bagi pegawai yang bertukar belum dibatalkan. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. v. Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa. vi. Jumlah kutipan kiraan fizikal tidak bersamaan dengan jumlah kutipan mengikut resit.
2	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Langat	i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Kutipan tidak dibankkan dengan segera.
3	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Klang	i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Stok resit yang belum digunakan tidak disimpan di dalam peti besi tetapi di dalam kabinet berkunci. iii. Daftar Setem tidak diselenggarakan.
4	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Petaling	i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. ii. Tuntutan rekupmen PWR belum diterima. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
5	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor	i. Tiada perakuan di belakang helai pertama buku resit salinan pejabat bahawa nombor di dalam buku resit adalah lengkap dan betul. ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor	i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Pengasingan tugas tidak diwujudkan di antara pegawai Penyedia dan Pelulus baucar bayaran.
7	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Hulu Langat	i. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi	Isu Audit
8	Pejabat Pertanian Daerah Klang	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Tiada perakuan di belakang helai pertama buku resit salinan pejabat bahawa nombor di dalam buku resit adalah lengkap dan betul.
9	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. iii. Wang kutipan dan buku resit tidak disimpan dalam peti besi. iv. Hanya seorang pegawai memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal.
10	Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
11	Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. ii. Stok resit yang belum digunakan tidak disimpan di dalam peti besi/bilik kebal tetapi di dalam laci berkunci. iii. Baucar bayaran tidak direkodkan dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap. iv. Hanya seorang pegawai memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal. v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vi. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan dengan menyeluruh. vii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicop 'Telah Bayar'. viii. Tuntutan perjalanan terkurang bayar. ix. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
12	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan di belakang helai pertama buku resit salinan pejabat bahawa nombor di dalam buku resit adalah lengkap dan betul.
13	Jabatan Mufti Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. ii. Pegawai yang membatalkan baucar dan penyedia baucar adalah orang yang sama.
14	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.
15	Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
16	Mahkamah Rendah Syariah Klang	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
17	Lembaga Zakat Selangor, Kaunter Klang Bandar Diraja	<ul style="list-style-type: none"> i. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. ii. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. iii. Baucar bayaran PWR tidak diluluskan oleh Pengurus. iv. Tuntutan rekupmen PWR belum diterima. v. Daftar Setem tidak diselenggarakan. vi. Tiada bukti semakan pada Laporan Kutipan Dan Agihan Harian.
18	Lembaga Zakat Selangor, Kaunter Sungai Buloh	<ul style="list-style-type: none"> i. Baki wang tunai PWR dalam tangan tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR. ii. Daftar Setem tidak diselenggarakan.
19	Lembaga Urus Air Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.
20	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan. ii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. iii. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi. iv. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agenzi	Isu Audit
		dicop ‘Telah Bayar’.
21	Majlis Daerah Kuala Selangor	i. Tiada perakuan di belakang helai pertama buku resit salinan pejabat bahawa nombor di dalam buku resit adalah lengkap dan betul.
22	Majlis Daerah Hulu Selangor	i. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap. ii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. iii. Stok resit yang belum digunakan tidak disimpan di dalam peti besi tetapi di dalam bilik stor. iv. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi. v. Had kuasa berbelanja tidak ditetapkan. vi. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
23	Majlis Agama Islam Selangor	i. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. ii. Daftar Pelaburan tidak kemas kini.
24	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	i. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi.
25	Majlis Perbandaran Selayang, Kaunter Kutipan Hasil Cawangan Wangsa Permai	i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. ii. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. iii. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi.
26	Majlis Bandaraya Shah Alam, Pejabat Cawangan Setia Alam	i. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. ii. Hanya seorang pegawai memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal yang tidak diberi kuasa oleh Ketua Agensi. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dilakukan.
27	Majlis Perbandaran Subang Jaya, Pejabat Cawangan Kompleks 3C, Bandar Sunway	i. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. ii. Surat perwakilan kuasa tidak disediakan untuk pegawai yang menerima kutipan, menulis resit dan membatal resit. iii. Hanya seorang pegawai memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dilakukan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.2. Ketua Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan diminta mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2014 secara keseluruhan adalah baik, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agenzi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.1. Ketua Jabatan/Agenzi hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit berbincang secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah

untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan aspek pengurusan kewangan yang penting sahaja, Ketua Jabatan/Agensi patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan secara menyeluruh terhadap aspek pengurusan kewangan lain di semua PTJ khususnya di PTJ lain yang tidak diaudit, untuk memastikan peraturan kewangan dipatuhi dengan sewajarnya dan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Ketua Jabatan/Agensi perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan berkaitan dan membuat pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa.

9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap pegawai yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur/tidak menyelenggarakan rekod kewangan dengan lengkap dan kemas kini. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan penyata kewangan tahun 2014 dilaksanakan terhadap 26 Agensi iaitu 14 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Bagi penyata kewangan tahun 2014, firma audit swasta telah dilantik untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 25 Agensi melibatkan 13 BBN dan 12 PBT. Manakala pengauditan terhadap penyata kewangan satu BBN iaitu Majlis Agama Islam Selangor dan Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Pemantauan terhadap firma audit swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri, badan berkanun berkenaan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi PBT, Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki PBT menyediakan penyata kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagaimanapun, Surat Hebahani Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 18 Tahun 2009 pula menetapkan Agensi Negeri perlu mengemukakan penyata kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Sehingga 13 Julai 2015, kesemua 26 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit. Daripada 26 Agensi terlibat, 20 Agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2015 manakala 6 Agensi iaitu Lembaga Urus Air Selangor, Kumpulan Wang Selangor King

George V Silver Jubilee, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney, Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2014 sehingga 13 Julai 2015 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2014 Sehingga 13 Julai 2015

Bil.	Agenzi Negeri	Tarikh Diterima
Badan Berkanun Negeri		
1	Perbadanan Wakaf Selangor	02.03.2015
2	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	30.03.2015
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	28.04.2015
4	Majlis Agama Islam Selangor	29.04.2015
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	29.04.2015
6	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	29.04.2015
7	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	29.04.2015
8	Majlis Sukan Negeri Selangor	30.04.2015
9	Lembaga Urus Air Selangor	11.05.2015
10	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	21.05.2015
11	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	28.05.2015
12	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	05.06.2015
13	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	05.06.2015
14	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	29.06.2015
Pihak Berkuasa Tempatan		
1	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	27.02.2015
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	24.04.2015
3	Majlis Perbandaran Selayang	27.04.2015
4	Majlis Perbandaran Kajang	27.04.2015
5	Majlis Perbandaran Klang	28.04.2015
6	Majlis Daerah Hulu Selangor	28.04.2015
7	Majlis Daerah Sabak Bernam	28.04.2015
8	Majlis Bandaraya Shah Alam	30.04.2015
9	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30.04.2015
10	Majlis Perbandaran Sepang	30.04.2015
11	Majlis Daerah Kuala Langat	30.04.2015
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	30.04.2015

Sumber: Penyata Kewangan BBN Dan PBT Tahun 2014

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Bagi penyata kewangan tahun 2013 yang telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara, sebanyak 25 Agenzi Negeri telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan satu Agenzi Sijil Berteguran. Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) diberi Sijil Berteguran disebabkan keraguan terhadap keupayaan Agenzi untuk meneruskan operasi sebagai satu entiti usaha berterusan (*Going Concern*). Setakat 31 Disember 2013, dana terkumpul MSNS menunjukkan defisit berjumlah RM26.07 juta. Selain itu, liabiliti semasa (RM34.27 juta) melebihi aset semasa (RM8.27 juta) dengan sejumlah RM26 juta.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun Agensi Negeri dibentang dalam Dewan Negeri Selangor. Enakmen penubuhan BBN dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya penyata kewangan 7 BBN dan 12 PBT yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Kesemua penyata kewangan tahun 2013 bagi BBN dan PBT yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentang di Dewan Negeri Selangor pada 24 November 2014.

10.5. PRESTASI KEWANGAN

10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.1. Sehingga 13 Julai 2015, penyata kewangan tahun 2014 bagi kesemua 14 BBN sedang diaudit. Analisis Audit berdasarkan penyata kewangan 7 BBN yang perlu membentangkan penyata kewangan di Dewan Negeri Selangor mendapati prestasi kewangan keseluruhan BBN terlibat pada tahun 2014 adalah baik di mana keuntungan terkumpul, surplus dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sejumlah RM291.12 juta (6%), RM76.14 juta (35.5%) dan RM149.51 juta (5.9%) berbanding tahun 2013. Prestasi kewangan 7 BBN terlibat bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Perkara	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Keuntungan Terkumpul	4,849.58	5,140.70	291.12	6.0
2	Surplus	214.70	290.84	76.14	35.5
3	Aset Semasa Bersih	2,514.35	2,663.86	149.51	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.2. Pada akhir tahun 2014, semua 7 BBN terlibat mencatat surplus. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mencatat keuntungan terkumpul, surplus dan aset semasa bersih tertinggi iaitu RM4.38 bilion, RM238.52 juta dan RM2.28 bilion. Prestasi kewangan 7 BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014			Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014			Keuntungan Terkumpul (RM Juta)
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1,007.68	769.16	238.52	2,675.09	395.23	2,279.86	4,376.39
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	65.57	49.00	16.57	159.35	33.03	126.32	471.49
3	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	16.89	2.33	14.56	146.50	0.36	146.14	146.26
4	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	33.98	21.26	12.72	301.59	238.71	62.88	85.32
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	17.24	13.45	3.78	22.52	2.24	20.28	26.12
6	Lembaga Urus Air Selangor	25.54	22.85	2.69	28.15	0.13	28.02	26.21
7	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	25.62	23.62	2.00	2.34	1.98	0.36	8.91
Jumlah		1,192.52	901.67	290.84	3,335.54	671.68	2,663.86	5,140.70

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.3. Analisis Pendapatan Janaan Sendiri

Pada akhir tahun 2014, pendapatan janaan sendiri 7 BBN adalah berjumlah RM1.12 bilion berbanding RM1.13 bilion pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM13.36 juta (1.2%). Analisis Audit mendapati Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor mencatat penurunan pendapatan janaan sendiri yang ketara sejumlah RM46.33 juta disebabkan antaranya oleh penurunan Keuntungan Atas Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan sejumlah RM30.85 juta, Pelepasan Hutang sejumlah RM20.90 juta dan Royalti sejumlah RM1.98 juta. Sementara itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mencatat peningkatan janaan sendiri sejumlah RM28.84 juta disebabkan peningkatan dalam Lain-lain Pendapatan Operasi sejumlah RM360.85 juta dan Lain-lain Pendapatan sejumlah RM202.27 juta diimbangkan dengan penurunan pendapatan daripada Projek Kemajuan Hartanah sejumlah RM467.06 juta. Perbandingan pendapatan janaan sendiri BBN antara tahun 2013 dengan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Pendapatan Janaan Sendiri Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	978.84	1,007.68	28.84	2.9
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	111.90	65.57	-46.33	-41.4
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	25.69	26.20	0.51	2.0
4	Lembaga Urus Air Selangor	8.79	12.36	3.57	40.6
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	1.83	1.69	-0.14	-7.7
6	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	0.80	0.95	0.15	18.8
7	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	0.54	0.58	0.04	7.4
Jumlah		1,128.39	1,115.03	-13.36	-1.2

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.4. Analisis Geran

Pada tahun 2014, sebanyak 5 BBN menerima geran berjumlah RM77.46 juta daripada Kerajaan Negeri/Persekutuan berbanding RM70.91 juta pada tahun 2013 iaitu meningkat 9.2%. Geran yang diterima oleh BBN bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.5**. Dua daripada 5 BBN iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor serta Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing sejumlah RM7.70 juta dan RM3.92 juta. **Carta 10.1** menunjukkan pendapatan janaan sendiri BBN dan geran yang diterima daripada Kerajaan bagi tahun 2013 dan 2014.

Jadual 10.5
Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan Oleh Badan Berkanun Negeri
Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	21.84	23.92	2.08	9.5
2	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	24.47	16.31	-8.16	-33.3
3	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	13.17	16.28	3.11	23.6
4	Lembaga Urus Air Selangor	4.60	13.17	8.57	186.3
5	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	6.83	7.78	0.95	13.9
Jumlah		70.91	77.46	6.55	9.2

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

Carta 10.1
Pendapatan Janaan Sendiri Dan Geran Daripada Kerajaan Untuk Badan Berkanun Negeri
Tahun 2013 Dan 2014



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.5. Analisis Aset

- a. Jumlah aset terdiri daripada aset semasa dan aset bukan semasa. Pada akhir tahun 2014, jumlah aset yang dimiliki oleh 7 BBN bernilai RM6.36 bilion berbanding RM5.93 bilion pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM436.34 juta (7.4%). Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan keseluruhan aset semasa dan aset bukan semasa 7 BBN tersebut masing-masing sejumlah RM231.88 juta dan RM204.46 juta berbanding tahun 2013. Penyumbang utama kepada peningkatan aset semasa dan aset bukan semasa ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor masing-masing sejumlah RM190.20 juta dan RM186.66 juta. Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor merupakan penyumbang kedua besar dengan peningkatan aset semasa sejumlah RM33.15 juta dan aset bukan semasa sejumlah RM5.71 juta berbanding tahun 2013. Perubahan jumlah aset antara tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Jumlah Aset Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	4,851.55	5,228.41	376.86	7.8
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	520.23	518.74	-1.49	-0.3
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	291.34	330.20	38.86	13.3
4	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	131.85	146.62	14.77	11.2
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	84.21	82.16	-2.05	-2.4
6	Lembaga Urus Air Selangor	24.76	29.10	4.34	17.5
7	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	23.31	28.36	5.05	21.7
Jumlah		5,927.25	6,363.59	436.34	7.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014

Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

- b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih telah meningkat daripada RM2.51 bilion pada tahun 2013 kepada RM2.66 bilion pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah RM149.51 juta (5.9%). Peningkatan yang ketara berlaku di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu sejumlah RM132.33 juta disebabkan pertambahan Projek Kemajuan Hartanah sejumlah RM310.21 juta dan Lain-lain Penghutang, Deposit Dan Bayaran Terdahulu sejumlah RM41.53 juta. Sementara itu, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor mencatat penurunan aset semasa bersih sejumlah RM17.63 juta disebabkan penurunan Penghutang Dagangan sejumlah RM19.12 juta berbanding tahun 2013. Kedudukan aset semasa bersih bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Aset Semasa Bersih Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2,147.53	2,279.86	132.33	6.2
2	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	131.25	146.14	14.89	11.3
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	143.95	126.32	-17.63	-12.2
4	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	51.05	62.88	11.83	23.2
5	Lembaga Urus Air Selangor	23.92	28.02	4.10	17.1
6	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	19.01	20.28	1.27	6.7
7	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	-2.36	0.36	2.72	115.3
Jumlah		2,514.35	2,663.86	149.51	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013

Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.6. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2014, tiga daripada 7 BBN telah membuat pelaburan berjumlah RM1.78 bilion berbanding RM1.41 bilion pada tahun 2013 iaitu meningkat sejumlah RM372.10 juta (26.4%). Peningkatan ini disebabkan pertambahan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Lain-lain Pelaburan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor masing-masing berjumlah RM343.50 juta dan RM26.38 juta. Pelaburan BBN bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.8**. Pelaburan berjumlah RM1.78 bilion ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari (58.4%), syarikat bersekutu (14.2%) dan lain-lain pelaburan (27.4%) seperti di **Carta 10.2**.


Jadual 10.8
Pelaburan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1,341.76	1,711.64	369.88	27.6
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	63.67	65.89	2.22	3.5
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	3.00	3.00	0.00	0.0
Jumlah		1,408.43	1,780.53	372.10	26.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013

Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

Carta 10.2
Pelaburan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.7. Analisis Liabiliti

- Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan tanggungan jangka panjang seperti pinjaman, hutang, pembiutang, belanja terakru, deposit dan cukai. Pada akhir tahun 2014, jumlah liabiliti bagi 7 BBN adalah RM1.12 bilion berbanding RM981.69 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM142.60 juta (14.5%). Sebanyak 4

BBN mencatat peningkatan liabiliti manakala 3 BBN yang lain mencatat penurunan liabiliti.

- b. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mencatat peningkatan liabiliti tertinggi iaitu sejumlah RM138.92 juta (20%) berbanding tahun 2013 disebabkan peningkatan Pinjaman Jangka Panjang daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM80 juta dan peningkatan Tuntutan Kemajuan Terdahulu sejumlah RM47.29 juta. Peningkatan liabiliti yang ketara juga berlaku di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor sejumlah RM21.33 juta. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam baki Tabung Amanah Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Dan Rumah Kos Sederhana Rendah sejumlah RM34.12 juta diimbangkan dengan penurunan baki Akaun Belum Bayar sejumlah RM10.09 juta berbanding tahun 2013.
- c. Sementara itu, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor mencatat penurunan liabiliti sejumlah RM18.06 juta (27.7%) disebabkan penurunan Pinjaman Kerajaan Negeri sejumlah RM18.22 juta berbanding tahun 2013. Perbandingan liabiliti BBN bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9
Liabiliti Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	694.70	833.62	138.92	20.0
2	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	217.38	238.71	21.33	9.8
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	65.31	47.25	-18.06	-27.7
4	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	0.99	2.24	1.25	126.3
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	2.88	1.98	-0.90	-31.3
6	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	0.42	0.36	-0.06	-14.3
7	Lembaga Urus Air Selangor	0.01	0.13	0.12	1,200.0
Jumlah		981.69	1,124.29	142.60	14.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.1.8. Analisis Nisbah

Analisis nisbah adalah untuk mengkaji kedudukan dan kekuahan kewangan Agensi bagi suatu tempoh kewangan. Analisis nisbah 7 BBN bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.10** dan keterangannya adalah seperti di perenggan berikut:

Jadual 10.10
Analisis Nisbah Badan Berkanun Negeri Tahun 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Hutang (%)	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	6.77:1	15.9	2,279.86	-32.77
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	4.82:1	9.1	126.32	2.73
3	Lembaga Urus Air Selangor	216.54:1	0.5	28.02	0.04
4	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	10.05:1	7.9	20.28	2.92
5	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	406.94:1	0.3	146.14	3.97
6	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	1.26:1	72.3	62.88	25.26
7	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	1.18:1	2.4	0.36	1.85

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana Agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah Agensi. Nisbah semasa bagi semua 7 BBN adalah baik kerana melebihi satu. Ini menunjukkan BBN tersebut mampu menampung tanggungan jangka pendek.
- b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan Agensi memenuhi obligasi kepada pemutang. Nisbah hutang kurang daripada 100% dianggap memuaskan. Nisbah hutang 7 BBN adalah baik kerana kurang daripada 100%.
- c. Modal kerja adalah untuk mengukur kemampuan Agensi membayar tanggungan jangka pendek dan meneruskan operasinya. Semua BBN mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk menjalankan operasi.
- d. Aliran tunai bersih adalah penambahan/pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembentukan. Pada tahun 2014, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mencatat pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai sejumlah RM32.77 juta disebabkan antaranya oleh Pelaburan Dalam Syarikat Minoriti dan pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan. Sementara itu, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor mencatat penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai sejumlah RM25.26 juta kerana penambahan tunai dalam Tabung Amanah Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Dan Rumah Kos Sederhana Rendah.

10.5.2. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

10.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

Pada tahun 2014, tiga BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) serta Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melabur dalam 35 syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dengan nilai keseluruhan pelaburan berjumlah RM1.29 bilion. Daripada jumlah pelaburan tersebut, PKNS mempunyai nilai pelaburan tertinggi iaitu RM1.22 bilion diikuti dengan PKPS dan LPHS masing-masing dengan nilai pelaburan berjumlah RM65.89 juta dan RM3 juta. Butiran mengenai pelaburan pada kos dalam 35 syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu pada 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11
Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Syarikat Subsidiari
Dan Syarikat Bersekutu Pada 31 Disember 2014

Perkara	Badan Berkanun Negeri			Jumlah
	PKNS	PKPS	LPHS	
Syarikat Subsidiari (100%)	8	9	1	18
Syarikat Subsidiari (>50%)	3	-	-	3
Syarikat Bersekutu (<50%)	14	-	-	14
Jumlah Syarikat (Bilangan)	25	9	1	35
Pelaburan (RM Juta)	1,224.65	65.89	3.00	1,293.54

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.2.2. Status Syarikat Subsidiari

Daripada 35 syarikat yang dilaburkan, sebanyak 21 syarikat merupakan syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS di mana 19 syarikat subsidiari berstatus aktif dan 2 berstatus dorman. PKNS mempunyai bilangan syarikat subsidiari yang terbanyak iaitu 11 syarikat subsidiari diikuti dengan PKPS dan LPHS masing-masing sebanyak 9 dan satu syarikat subsidiari. Butiran adalah seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12
Bilangan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri
Yang Aktif Dan Dorman Tahun 2014

Badan Berkanun Negeri	Bilangan Syarikat Subsidiari (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
	Status Aktif	Status Dorman	Jumlah
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	11	-	11
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	7	2	9
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	1	-	1
Jumlah	19	2	21

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

10.5.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Semasa Dan Terkumpul Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

- a. Pada 31 Disember 2014, enam syarikat subsidiari PKNS dan PKPS telah mencatat keuntungan semasa berjumlah RM47.63 juta. Manakala 15 syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS mencatat kerugian semasa berjumlah RM20.13 juta. Hampir semua jumlah keuntungan semasa tersebut disumbang oleh syarikat subsidiari PKNS yang memperoleh keuntungan semasa tertinggi berjumlah RM47.59 juta berbanding syarikat subsidiari PKPS yang memperoleh keuntungan semasa berjumlah RM0.04 juta. Sementara itu, syarikat subsidiari LPHS mencatat kerugian semasa berjumlah RM0.23 juta. Butiran adalah seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13
Analisis Keuntungan/Kerugian Semasa Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2014

Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Semasa		Kerugian Semasa	
	Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	5	47.59	6	14.29
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1	0.04	8	5.61
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	-	-	1	0.23
Jumlah	6	47.63	15	20.13

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

- b. Setakat 31 Disember 2014, tujuh syarikat subsidiari mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM279.35 juta. Manakala 14 syarikat subsidiari PKNS, PKPS dan LPHS mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM101.75 juta. Daripada jumlah kerugian terkumpul tersebut, syarikat subsidiari PKPS mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi berjumlah RM79.12 juta. Butiran adalah seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14
Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2014

Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul	
	Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	6	279.34	5	21.36
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1	0.01	8	79.12
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	-	-	1	1.27
Jumlah	7	279.35	14	101.75

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

10.5.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- 10.5.3.1.** Sehingga 13 Julai 2015, penyata kewangan tahun 2014 bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran manakala penyata kewangan 10 PBT sedang diaudit. Berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2014 yang dikemukakan/telah diaudit, prestasi kewangan PBT adalah seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2014			Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	547.87	332.70	215.17	706.71	293.25	413.46
2	Majlis Perbandaran Sepang	178.85	82.83	96.02	241.26	78.78	162.48
3	Majlis Perbandaran Klang	234.78	197.93	36.85	152.07	73.83	78.24
4	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	330.37	303.91	26.46	593.40	141.52	451.88
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	145.79	126.43	19.36	181.10	34.58	146.52
6	Majlis Daerah Kuala Langat	88.52	71.36	17.16	70.95	31.06	39.89
7	Majlis Perbandaran Selayang	150.38	139.77	10.61	180.39	104.56	75.83
8	Majlis Daerah Hulu Selangor	78.92	74.54	4.38	76.51	31.59	44.92
9	Majlis Perbandaran Kajang	163.05	160.03	3.02	458.07	236.46	221.61
10	Majlis Perbandaran Subang Jaya	260.15	258.48	1.67	353.80	155.72	198.08
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	22.26	21.85	0.41	20.99	7.33	13.66
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	65.06	67.34	-2.28	50.75	36.53	14.22
Jumlah		2,266.00	1,837.17	428.83	3,086.00	1,225.21	1,860.79

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit (Kecuali MPAJ Dan MDSB) Tahun 2014

10.5.3.2. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, prestasi kewangan PBT bagi tahun 2014 adalah baik kerana 11 PBT mengakhiri tahun kewangan 2014 dengan surplus kecuali Majlis Daerah Kuala Selangor mencatat defisit. Sungguhpun begitu, semua PBT mempunyai aset semasa melebihi liabiliti semasa.

10.5.3.3. Surplus/Defisit

Analisis surplus/defisit tahun 2014 dan 2013 menunjukkan peningkatan surplus sejumlah RM330.20 juta (334.8%) daripada RM98.63 juta pada tahun 2013 kepada RM428.83 juta pada tahun 2014. Sebanyak 9 PBT menunjukkan peningkatan surplus antara 6.6% hingga 1,567.4% manakala 3 PBT menunjukkan penurunan berbanding tahun 2013. Tiga PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Klang mencatat peningkatan surplus paling ketara masing-masing dengan RM193.22 juta, RM75.09 juta dan RM34.64 juta. Penyumbang utama kepada peningkatan surplus tersebut ialah peningkatan hasil Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan sejumlah RM212.33 juta bagi Majlis Bandaraya Shah Alam, peningkatan hasil Pendapatan Dan Geran Bantuan Khas sejumlah RM69.40 juta bagi Majlis Perbandaran Sepang dan penurunan Perkhidmatan dan Bekalan sejumlah RM40 juta bagi Majlis Perbandaran Klang. Dua PBT yang menunjukkan penurunan surplus ialah Majlis Bandaraya Petaling

Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang. Sebab utama penurunan surplus Majlis Perbandaran Kajang ialah penurunan pendapatan dan peningkatan perbelanjaan berbanding tahun 2013. Bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya pula, peningkatan perbelanjaan adalah melebihi peningkatan dalam pendapatan. Sementara itu, Majlis Daerah Kuala Selangor mencatat defisit pada tahun 2014 berbanding surplus pada tahun 2013 disebabkan peningkatan perbelanjaan yang ketara. Kedudukan surplus/defisit PBT bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.16**.

Jadual 10.16
Analisis Surplus/Defisit Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	21.95	215.17	193.22	880.3
2	Majlis Perbandaran Sepang	20.93	96.02	75.09	358.8
3	Majlis Perbandaran Klang	2.21	36.85	34.64	1,567.4
4	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	27.68	26.46	-1.22	-4.4
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	11.85	19.36	7.51	63.4
6	Majlis Daerah Kuala Langat	5.58	17.16	11.58	207.5
7	Majlis Perbandaran Selayang	4.17	10.61	6.44	154.4
8	Majlis Daerah Hulu Selangor	4.11	4.38	0.27	6.6
9	Majlis Perbandaran Kajang	9.10	3.02	-6.08	-66.8
10	Majlis Perbandaran Subang Jaya	-9.13	1.67	10.80	118.3
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	-3.51	0.41	3.92	111.7
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	3.69	-2.28	-5.97	-161.8
Jumlah		98.63	428.83	330.20	334.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit
(Kecuali MPAJ Dan MDSB) Tahun 2014

10.5.3.4. Aset Semasa Bersih

Pada tahun 2014, semua 12 PBT menunjukkan peningkatan aset semasa bersih berjumlah RM807.87 juta (76.8%) berbanding tahun 2013. Tiga PBT yang mencatat peningkatan paling ketara ialah Majlis Bandaraya Shah Alam sejumlah RM322.71 juta, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejumlah RM117.97 juta dan Majlis Perbandaran Klang sejumlah RM88.74 juta. Penyumbang utama kepada peningkatan aset semasa bersih di ketiga-tiga PBT tersebut ialah peningkatan dalam simpanan tetap Majlis Bandaraya Shah

Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang masing-masing sejumlah RM344.81 juta, RM101.26 juta dan RM66.16 juta. Selain itu, peningkatan sejumlah RM59.12 juta pada wang dalam bank juga menyumbang kepada peningkatan aset semasa bersih di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Kedudukan aset bersih semasa adalah seperti di **Jadual 10.17**.

Jadual 10.17
Analisis Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	333.91	451.88	117.97	35.3
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	90.75	413.46	322.71	355.6
3	Majlis Perbandaran Kajang	148.19	221.61	73.42	49.5
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	138.31	198.08	59.77	43.2
5	Majlis Perbandaran Sepang	110.34	162.48	52.14	47.3
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	119.78	146.52	26.74	22.3
7	Majlis Perbandaran Klang	-10.50	78.24	88.74	845.1
8	Majlis Perbandaran Selayang	35.11	75.83	40.72	116.0
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	39.93	44.92	4.99	12.5
10	Majlis Daerah Kuala Langat	22.76	39.89	17.13	75.3
11	Majlis Daerah Kuala Selangor	12.85	14.22	1.37	10.7
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	11.19	13.66	2.47	22.1
Jumlah		1,052.62	1,860.79	808.17	76.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit (Kecuali MPAJ Dan MDSB)
Tahun 2014

10.5.3.5. Kutipan Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Sehingga akhir tahun 2014, cukai taksiran berjumlah RM1.23 bilion telah dikutip oleh 12 PBT di Negeri Selangor. Kutipan cukai taksiran meningkat sejumlah RM60.06 juta (5.1%) berbanding tahun 2013 berjumlah RM1.17 bilion. Jumlah cukai taksiran yang dikutip oleh 12 PBT bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.18**.

Jadual 10.18
Kutipan Cukai Taksiran Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	214.65	231.18	16.53	7.7
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	199.19	208.70	9.51	4.8
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	172.87	179.51	6.64	3.8
4	Majlis Perbandaran Klang	147.47	152.16	4.69	3.2
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	95.84	97.01	1.17	1.2
6	Majlis Perbandaran Selayang	93.27	95.86	2.59	2.8
7	Majlis Perbandaran Kajang	84.06	88.27	4.21	5.0
8	Majlis Perbandaran Sepang	63.38	70.34	6.96	11.0
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	43.42	47.92	4.50	10.4
10	Majlis Daerah Kuala Langat	26.25	28.53	2.28	8.7
11	Majlis Daerah Kuala Selangor	20.74	21.38	0.64	3.1
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	4.42	4.76	0.34	7.7
Jumlah		1,165.56	1,225.62	60.06	5.1

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit (Kecuali MPAJ Dan MDSB)
Tahun 2014

10.5.3.6. Tunggakan Cukai Taksiran

- a. Pada akhir tahun 2014, tunggakan cukai taksiran berjumlah RM471.28 juta meningkat sejumlah RM11.35 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM459.93 juta. Sebanyak 8 daripada 12 PBT telah mencatat peningkatan tunggakan cukai taksiran antara 4.4% hingga 13.3% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Manakala 4 PBT lain telah berjaya mengurangkan tunggakan cukai taksiran pada akhir tahun 2014 antara 0.7% hingga 7.2%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.19**.

Jadual 10.19
Kedudukan Tunggakan Cukai Taksiran Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Daerah Hulu Selangor	65.24	71.34	6.10	9.4
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	68.96	68.49	-0.47	-0.7
3	Majlis Perbandaran Klang	58.52	54.64	-3.88	-6.6
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	43.68	45.79	2.11	4.8
5	Majlis Perbandaran Kajang	43.77	45.68	1.91	4.4
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	37.59	42.58	4.99	13.3
7	Majlis Perbandaran Selayang	40.02	42.45	2.43	6.1
8	Majlis Bandaraya Shah Alam	41.43	39.38	-2.05	-4.9
9	Majlis Perbandaran Sepang	24.10	25.34	1.24	5.1
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	25.47	23.64	-1.83	-7.2
11	Majlis Daerah Kuala Langat	9.02	9.62	0.60	6.7
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	2.13	2.33	0.20	9.4
Jumlah		459.93	471.28	11.35	2.5

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit (Kecuali MPAJ Dan MDSB)
Tahun 2014

- b. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2014, jumlah pendapatan yang telah dikutip oleh 12 PBT adalah berjumlah RM2.27 bilion. Manakala jumlah tunggakan cukai taksiran pula berjumlah RM471.28 juta. Sekiranya jumlah tunggakan ini dapat dikutip, jumlah pendapatan akan meningkat 20.8% kepada RM2.74 bilion. Justeru itu, semua PBT perlu berusaha gigih untuk mengutip tunggakan cukai taksiran. Tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.20**.

Jadual 10.20
Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Pendapatan Tahun 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Pendapatan (%)
1	Majlis Daerah Hulu Selangor	71.34	78.92	90.4
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	68.49	260.15	26.3
3	Majlis Perbandaran Klang	54.64	234.78	23.3
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	45.79	145.79	31.4
5	Majlis Perbandaran Kajang	45.68	163.05	28.0
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	42.58	330.37	12.9
7	Majlis Perbandaran Selayang	42.45	150.38	28.2
8	Majlis Bandaraya Shah Alam	39.38	547.87	7.2
9	Majlis Perbandaran Sepang	25.34	178.85	14.2
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	23.64	65.06	36.3
11	Majlis Daerah Kuala Langat	9.62	88.52	10.9
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	2.33	22.26	10.5
Jumlah		471.28	2,266.00	20.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Beraudit (Kecuali MPAJ Dan MDSB)
Tahun 2014

- c. Perbandingan antara tunggakan cukai taksiran dan pendapatan tahun 2014 mendapati peratus tunggakan cukai taksiran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) melebihi 50%. Bagaimanapun, tunggakan cukai taksiran MDHS tahun 2014 berjumlah RM71.34 juta adalah termasuk hutang ragu sebanyak RM46.88 juta.

10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

10.6.1. Sehingga 13 Julai 2015, kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi Negeri bagi 2014 adalah baik di mana kesemua 26 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit. Daripada 26 Agensi terlibat, 20 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 6 Agensi selepas tempoh tersebut.

10.6.2. Bagi pengesahan penyata kewangan tahun 2014, penyata kewangan 2 Agensi telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran manakala penyata kewangan 24 Agensi lain sedang diaudit. Semua Agensi Negeri yang terlibat telah membentangkan penyata kewangan tahun 2013 yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Selangor.

10.6.3. Pada keseluruhannya prestasi kewangan 7 Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2014 adalah baik. Keuntungan terkumpul, surplus dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sejumlah RM291.12 juta (6%), RM76.14 juta (35.5%) dan RM149.51 juta (5.9%) berbanding tahun 2013. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 7 syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM279.35 juta manakala 14 syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM101.76 juta.

10.6.4. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula, prestasi kewangan secara keseluruhan bagi tahun 2014 adalah baik berbanding tahun 2013 di mana surplus, aset semasa bersih dan kutipan cukai taksiran masing-masing meningkat 334.8%, 76.8% dan 5.1%.

10.6.5. Agensi Negeri perlu mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, Agensi Negeri hendaklah berusaha berterusan untuk meningkatkan prestasi kewangan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan.



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2013 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013 Siri 2 dan 3 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 24 November 2014.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sepanjang tahun 2014 dan sehingga bulan Mei 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali bagi membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2012. Selain itu, jawatankuasa ini telah bermesyuarat 6 kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 dan 2013.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2014 adalah baik di mana 15 Jabatan /Agensi yang diaudit mencapai tahap sangat baik atau baik. Ini adalah kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Ketua Jabatan/Ketua Agensi bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, malahan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan langkah penambahbaikan diambil seperti berikut:

- a. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem *check and balance*, mengadakan pemantauan berterusan, *spot check* dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini bertujuan mengelakkan daripada berlaku keadaan di mana pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

2 Julai 2015



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

